

ANALISIS KARYA-KARYA KRITIKAN TERHADAP FALSAFAH MASHĀ'ĪYYAH DALAM TRADISI INTELEKTUAL MUSLIM

[ANALYSIS OF CRITICAL WORKS ON THE PHILOSOPHY OF MASHĀ'ĪYYAH IN THE MUSLIM INTELLECTUAL TRADITION]

MOHD FAIZUL AZMI^{1*} & ABDULL RAHMAN MAHMOOD¹ & AHMAD SUNAWARI LONG¹

¹ Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: mfaizulazmi@unisza.edu.my

Received: 10 August 2023

Accepted: 30 October 2023

Published: 08 November 2023

Abstrak: Dalam tradisi keilmuan dunia Islam, terdapat usaha-usaha daripada ulama mengkhususkan penulisan mereka untuk mengkritik aliran dan mazhab yang muncul dalam kalangan mereka. Terdapat dua bentuk penulisan dalam mengkritik aliran mazhab, pertama secara umum. Kedua, secara khusus. Penulisan secara umum merujuk kepada kritikan yang dibuat di dalam kitab mereka dalam membahaskan perbahasan tertentu atau dikhkususkan satu bab. Manakala kritikan secara khusus adalah merujuk kepada kritikan yang dibuat dengan menulis sebuah kitab khusus yang ditujukan kepada aliran dan mazhab. Antara aliran yang banyak menerima kritikan ulama adalah ahli falsafah Mashā'īyyah. Antara yang terawal mengkritik ahli falsafah Mashā'īyyah secara khusus adalah al-Ghazali dengan karyanya *Tahafut al-Falasifah*. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dengan menganalisis kitab-kitab yang mengkhususkan untuk mengkritik ahli falsafah. Kajian ini memperkenalkan kitab yang hasilkan oleh ulama dalam mengkritik ahli falsafah *Mashā'īyyah* iaitu: *Tahāfut al-Falāsifah* oleh al-Ghazālī (w505H), *Musara'ah al-Falāsifah* oleh al-Sharustānī (w547H), *Lubāb al-'Uqūl Fi Rad 'Ala al-Falāsifah Fi Ilm Usul* oleh Abu al-Hujāj Yusūf bin Muhammad al-Miklātī (626H). d. *Kashf al-Fada'ih al-Yunaniyyah wa Rashf al-Nasa'i al-Imaniyyah* oleh Shihab al-Din Umar bin Muhammad al-Sahrāwardi (632H) dan *Tahafut al-Falasifah al-Zakhīrah Fi al-Muhākamah Bayna al-Ghazālī dan al-Hukamā'* oleh 'Ala' al-Din al-Tusi (673H). Kajian ini mendapati terdapat pengaruh dan kesan yang sangat besar oleh kitab *Tahāfut al-Falāsifah* kepada ulama Islam yang lain dalam mendepani aliran-aliran pemikiran yang muncul. Kemunculan karyanya ini telah mencetuskan fenomena yang luar biasa dalam dunia keilmuan Islam. Ianya memberi kesan kepada ulama lain dan kepada ahli falsafah yang dikritik secara langsung.

Kata Kunci: Falsafah Mashā'īyyah, Kritikan, Falsafah Islam.

Abstract: In the Islamic scholarly tradition, there have been efforts by scholars to dedicate their writings to critique the various schools of thought and philosophies that emerged among them. There are two forms of writing when it comes to critiquing these schools of thought: firstly, in a general sense, and secondly, in a specific sense. General critique refers to criticisms made within their works while discussing particular issues or dedicating a specific chapter. On the other hand, specific critique refers to criticisms made by writing a dedicated book aimed at a particular school of thought or philosophy. Among the schools of thought that have received substantial criticism from scholars are the proponents of the Mashā'īyyah philosophy. One of the earliest and most notable scholars to specifically critique the Mashā'īyyah philosophers was al-Ghazali with his work "*Tahafut al-Falasifah*." This study introduces the works of scholars that were produced to critique the Mashā'īyyah philosophers, including: "*Tahāfut al-Falāsifah*" by al-Ghazālī (d. 505H), "*Musara'ah al-Falāsifah*" by al-Sharustānī (w547H), *Lubāb al-'Uqūl Fi Rad 'Ala al-Falāsifah Fi Ilm Usul* by Abu al-Hujāj Yusūf bin Muhammad al-Miklātī (626H), *Kashf al-Fada'ih al-Yunaniyyah wa Rashf al-Nasa'i al-Imaniyyah* by Shihab al-Din Umar bin Muhammad al-Sahrāwardi (632H), and *Tahafut al-Falasifah al-Zakhīrah Fi al-Muhākamah Bayna al-Ghazālī dan al-Hukamā'* by 'Ala' al-Din al-Tusi (673H). This study finds that the work *Tahāfut al-Falāsifah* has had a significant influence and impact on other scholars in Islam when faced with the emerging schools of thought. The emergence of his work has triggered a remarkable phenomenon in the field of Islamic knowledge. It has also provided a critical perspective to other scholars and Mashā'īyyah philosophers.

(d. 547H), "Lubāb al-'Uqūl Fi Rad 'Ala al-Falāsifah Fi Ilm Kalam" by Abu al-Hujāj Yusūf bin Muhammad al-Miklātī (d. 626H), "Kashf al-Fada'iḥ al-Yunaniyyah wa Rashf al-Nasa'iḥ al-Imaniyyah" by Shihab al-Din 'Umar bin Muhammad al-Sahrawardi (d. 632H) and "Tahafut al-Falasifah al-Zakhīrah fi al-Muhakamah bayn al-Ghazali wa al-Hukama' li 'Ala' al-Din al-Tusi" (d. 673H). This study found that al-Ghazali's "Tahafut al-Falasifah" had a significant and profound influence on other Islamic scholars when confronting emerging intellectual trends. The publication of this work sparked an extraordinary phenomenon in the Islamic scholarly world, leaving a lasting impact on other scholars and the philosophers who were critiqued.

Keywords: Mashā'īyyah Philosophy, Critique, Islamic Philosophy.

Cite This Article:

Mohd Faizul Azmi, Abdull Rahman Mahmood & Ahmad Sunawari Long. (2023). Analisis Karya-Karya Kritikan Terhadap Falsafah Mashā'īyyah dalam Tradisi Intelektual Muslim [Analysis of Critical Works on The Philosophy of Mashā'īyyah in The Muslim Intellectual Tradition]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(4), 29-55.

PENGENALAN

Falsafah Yunani masuk ke tamadun umat Islam melalui gerakan terjemahan ilmu-ilmu klasik ke dalam bahasa Arab bermula pada pertengahan kurun kedua Hijrah, kemudiannya ilmu Falsafah ini telah berkembang keseluruh dunia Islam oleh ahli falsafah Islam, pengikut mereka, dan mereka yang terpengaruh dengan falsafah. Menurut Ibn Nadim (1978:340) gerakan penterjemahan falsafah yunani bermula di zaman Khalifah al-Abasi Abi Ja'far al-Mansur (136H-158H). Beliau adalah orang yang bertanggungjawab mengarahkan penterjemahan kitab-kitab klasik. Gerakan terjemahan ini diperluaskan pada zaman Khalifah Harun al-Rashid (w.193H) apabila beliau memerintahkan ahli perubatan beragama Nasrani Yuhana bin Masawiyah dengan melantik beliau sebagai ketua dalam menterjemah karya-karya klasik yang diperoleh daripada Ankara dan Umuriyah serta dari negara Rom daripada bahasa klasik kepada bahasa Arab.

Aktiviti penterjemahan diperhebatkan lagi di zaman khalifah al-Ma'mun (198H-218H) dengan skala yang lebih besar dan lebih sistematik. Beliau mengarahkan pemerintah Rum untuk menghantar kitab-kitab klasik untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Maka mereka menghantar sejumlah kitab-kitab lama yang terdiri daripada karya-karya ahli falsafah Yunani (al-Qunji, 1978:179).

Pada ketika itu, kebanyakkan mereka yang mengetuai penterjemahan adalah daripada kalangan Ahli Zimmah dan hanya sedikit daripada kalangan umat Islam. Antara penterjemah daripada kalangan Ahli Zimmah ialah Yuhana bin Masuwiyyah, Hunain bin Ishak, Ishak bin Hunain, Jaish bin A'sam, Thabit bin Qurat al-Sabi', Yahya bin Batriq, Iqlidis bin Na'imahdl (Ibn Nadim, 1978:339) Manakala antara penterjemah dari kalangan muslim ialah Ya'kub al-Kindi.

Antara ilmu-ilmu klasik yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab ialah falsafah pada awalnya. Falsafah mengandungi 4 cabang ilmu yang utama iaitu;

- a. Mantik
- b. *Al-Tabi'īyyat* merujuk kepada ilmu mengenai haiwan, tumbuhan, *al-ajsām* dan *al-mahsusāt*.
- c. Metafizik
- d. *Al-Maqādir* (Sukatan)

Ilmu Falsafah mula berkembang di Baghdad dan *al-Mashriq* dunia Islam pada kurun ketiga dan keempat hijrah ditangan al-Farābī dan Ibn Sina walaupun dalam keadaan majoriti umat Islam menentang dan membenci falsafah dengan memberi reaksi yang negatif terhadap ilmu falsafah serta ilmu-ilmu klasik seperti matematik, mantik, falak, falsafah ketuhanan (Bakhit, 2013:30). Antara Faktor perkembangan falsafah di Maghrib adalah:

1. Hubungan dua hala antara *al-Mashriq* dan al-Maghrib, sejak daripada kurun keempat hijrah umat Islam berpindah daripada Andalus ke bahagian-bahagian *al-Mashriq* untuk tujuan ilmu dan pengajian ulama’.
2. Keperluan masyarakat Andalus kepada ilmu dan kepada guru-guru yang berada di *mashriq*, mendorong para ulama’ berpindah daripada *al-Mashriq* ke Maghrib untuk mengajar ahlinya. Ketiga, pemimpin menggalakkan gerakan terjemahan dan membawa masuk kitab-kitab daipada *Mashriq ismalin* seperti Baghdad, Basrah, Kaherah, Dimashq ke Andalus seperti kitab *Rasail Ikhwan al-Safa*.

Kajian dan kritikan terhadap aliran dan mazhab yang muncul dalam sejarah perkembangan Ash'ārīyyah telah dimulai oleh al-Ash'arī sendiri yang merupakan pengasas kepada mazhab, dan kemudiannya diikuti oleh ulama Asha'irah yang lain. Al-Ash'arī menulis kitab *Maqālāt al-Islamiyyīn* bertujuan untuk menjelaskan mazhab dan pemikiran yang wujud selepas kewafatan nabi Muhammad SAW. Di dalam kitab ini, beliau membincangkan perbezaan prinsip dan pegangan setiap aliran dan mazhab terumanya dalam persoalan yang berkaitan dengan akidah. Menurut al-Ash'arī (1969:20) umat Islam pada zamannya itu telah terpecah kepada sepuluh kumpulan utama iaitu Syiah, Khawārij, Murjia'ah, Muktazilah, Jahmiyyah, Dhararīyyah, Husaynīyyah, al-Bakrīyyah, al-'Ammah, Ashab al-Hadith, dan al-Kulabīyyah. Jika diteliti kitab-kitab yang dihasilkan oleh al-Ash'arī seperti Kitab *Luma'* dan *Istihsān*, kritikan beliau tidak hanya terhad kepada Muktazilah sahaja, malah beliau juga mengkritik dan menjawab dakwaan aliran dan mazhab di dalam Islam seperti al-Jahmiyyah, al-Mujasimmah, al-Imamiyyah, al-Murji'ah malah beliau juga mengkritik penganut agama lain seperti Thanawiyyah, al-Dahriyyah, al-Mulahadah, al-Falāsifah, dan Ahl Tabaī'. Terdapat karya Ashari yang ditulis khusus untuk mengkritik ahli falsafah iaitu *Risalah fi al-Rad 'ala Ibaqlus al-Dahri* (Proclus) namun karya ini tidak sampai kepada kita pada hari ini. Selain itu terdapat juga karya yang lain seperti kitab 'ilal Aristutalis Fi al-Sama' wa al-'Alam dan *Naqd Kitab al-Athar al-'Uluwiyyah 'ala Aristutalis dan kitab Maqalat al-Falāsifah*. Badawi (1996:43) menyimpulkan bahawa tidak terdapat pengaruh falsafah yunani atau falsafah Islam dalam pemikiran Ashari. Menurut al-Talabi (2014:354), Ashari (1969:23) turut membincangkan agama Majusi dan golongan yang percaya kepada *tanasukh*.

Walaupun Ashari sezaman dengan al-Farābī namun beliau tidak pernah menyebut nama al-Farābī dalam kitab-kitab beliau. Dalam pada itu, Ashari hanya menyebut nama Aristutalis

ketika membincangkan pandangan ahli falsafah. (Badawi, 1996:45). Seterusnya usaha al-Ash'arī diteruskan oleh ulama Al-Ash'arīyyah yang lain seperti al-Baqilānī, al-Juwainī, al-Ghazālī, al-Miklātī dan lain-lain.

Imam al-Baqilānī terkenal sebagai seorang ulama yang mempunyai kemampuan dan kekuatan berdebat dan mengalahkan hujah musuh daripada golongan al-Rāfidah, al-Muktazilah dan al-Jahmīyyah (al-Badāwī, 1996:23). Di dalam kitab *al-Tamhid*, al-Baqilānī membincangkan pegangan golongan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti Yahudi, Nasara dan Majusi dan perbezaan di antara aliran lain dengan *Ahl Haq* seperti *Ahl Tajsim wa Tashbih*, *Ahl al-Qadar*, Muktazilah, Rawafid, *al-Khawarij* (al-Badāwī, 1996:32). Manakala dalam kitab *Usul al-Din*, Baqilani menghimpunkan pandangan setiap daripada aliran lain mengenai sesuatu topik dan menolak hujah-hujah mereka.

Al-Juwainī merupakan penerus kepada aliran Ashā'irah. Hal ini dapat dibuktikan apabila beliau menggelar al-Ash'arī sebagai *Shaykhuna*, al-Baqilānī sebagai *al-Qadhi* dan al-Isfirayni sebagai *al-Ustaz* (al-Badāwī, 1996:45). Al-Juwainī banyak membahaskan dan mengkritik mazhab lain dalam kitab *al-Shamil Fi Usul al-Din*. Dalam perbincangan mengenai *jawhar* dan 'aradh, beliau mengkritik dan menolak pandangan Muktazilah dan ahli falsafah. Beliau mengkhususkan satu bab untuk mengkritik golongan ahli falsafah yang menyatakan alam adalah *qadim*. Beliau dilihat banyak mengkritik ahli falsafah dalam kitab *al-Irsyad* juga. Beliau juga menulis kitab *Mukhtasar fi al-Rad 'ala Ahl al-I'tizal wa Qadr* khusus untuk mengkritik golongan yang sesat dan bidaah yang terdiri daripada Muktazilah dan Ahli Falsafah.

Menurut Montgomery Watt (1985:23) kajian mendalam ulama Ashā'irah terhadap falsafah Mashā'īyyah bermula di zaman al-Juwainī malah beliau bertanggungjawab menyuruh al-Ghazālī mengkaji falsafah secara mendalam dan sistematis. Namun al-Badāwī (1996:34) berpendapat al-Juwainī tidak menguasai perbincangan ahli falsafah maka kritikan yang dibuat oleh al-Juwainī tidak memadai untuk menolak hujah-hujah ahli falsafah Mashā'īyyah. Beliau berpendapat ulama Ashā'irah yang memahami dengan baik ialah ulama selepas al-Juwainī iaitu al-Ghazālī. Selepas al-Juwainī, kritikan ulama Ashā'irah terhadap ahli falsafah Mashā'īyyah dilihat semakin serius kerana terdapat ulama yang mengkhususkan penulisan mereka untuk mengkritik ahli falsafah Mashā'īyyah. Antaranya ialah al-Ghazālī, al-Sharustānī dan al-Miklātī.

Dalam tradisi Ashā'irah, al-Ghazālī antara ulama yang banyak menulis mengenai falsafah seperti *Maqāsid al-Falāsifah* dan *Mi'yār 'Ilm*. Di dalam kitab *Maqāsid al-Falāsifah*, al-Ghazālī hanya menjelaskan pemikiran dan pegangan ahli falsafah Mashā'īyyah dengan terperinci dengan tanpa mengkritik (al-Shamali, 1979:45). Al-Ghazālī seperti mana ulama Ashā'irah yang sebelumnya, beliau tidak hanya mengkritik ahli falsafah Mashā'īyyah sahaja, malah juga aliran dan mazhab yang dilihat bertentangan dengan akidah Islam. Antara karyanya yang mengkhususkan mengkritik dan menolak aliran dan mazhab lain ialah *Faysal al-Tafriqah Bayn al-Islām wa al-Zindiqah* dan *Fadā'ih al-Batinīyyah*.

al-Sharustānī (m547H) mengkritik falsafah Mashā'īyyah dalam *Nihāyat al-Aqdam Fi 'Ilm Kalām* dan dengan bukunya berjudul *Musara'ah al-Falāsifah* yang dikhurasukan untuk mengkritik Ibn Sina (Azrasyab, t.th:23). Al-Sharustānī juga membentangkan prinsip dan pegangan aliran lain dalam *al-Milal wa al-Nihāl*, *Ahbāb al-Diyānat wa al-Milal*, dan *Ahl al-Ahwa' wa Nihāl*. Kitab *Musara'ah al-Falāsifah* telah mendapat perhatian Al-Tusi (m.672H) yang kemudiannya menulis kitab *Musara'ah al-Falāsifah* untuk menolak kritikan Kitab *Musara'ah al-Falāsifah* (Madelung & Mayer, 2001:12).

Pertembungan yang paling kemuncak dalam sejarah kritikan daripada aliran Ashā'irah ialah pertembungan antara Ashā'irah dan ahli falsafah Mashā'īyyah. Falsafah Mashā'īyyah telah dikritik oleh ulama Ashā'irah sebelum al-Ghazālī seperti al-Baqilānī dan al-Juwainī, namun kritikan oleh al-Ghazālī dalam kitabnya *Tahāfut al-Falāsifah* telah memberikan kesan yang sangat besar ke atas falsafah Mashā'īyyah sehingga mengkafirkannya ahli falsafah Mashā'īyyah (al-Nashar, 1995:24). Al-Ghazālī menjelaskan penulisan kitab *Tahāfut al-Falāsifah* adalah untuk memberi peringatan kepada ahli falsafah mengenai pandangan mereka yang bertentangan dengan ajaran Islam dalam isu ketuhanan. Kesan daripada kritikan ini maka lahirlah karya Ibn Rusyd *Tahāfut Tahāfut al-Falāsifah* yang menjawab kritikan Al-Ghazālī terhadap falsafah. Fenomena ini telah melahirkan aktiviti intelektual yang dikenali sebagai tradisi *tahāfut* (*Tahāfut Tradition*) (Alparslan, 2010:56). Pertembungan tidak berakhir dengan begitu sahaja, tradisi ini diteruskan oleh ulama Ashā'irah selepas itu seperti al-Sharustānī, al-Miklātī, al-Amidī, Yusūf bin Muhammad al-Miklātī dan lain-lain lagi.

Berikut adalah senarai kitab yang akan dianalisis sejarah ringkas dengan menjelaskan latar belakang penulis, kitab, isi kandungan dan rumusan.

- i. *Tahāfut al-Falāsifah* oleh al-Ghazālī (w505H)
- ii. *Tuhfah al-Mutakalimin Fi al-Rad 'Ala al-Falāsifah* oleh Rukn al-Din bin al-Malahimi al-Khawarizmi (536H/1141M).
- iii. *Musara'ah al-Falāsifah* oleh al-Sharustani (w547H).
- iv. *Lubāb al-'Uqūl fi Rad 'ala al-Falāsifah fi Ilm Kalam* oleh Abu al-Hujāj Yusūf bin Muhammad al-Miklātī (626H).
- v. *Kashf al-Fada'iḥ al-Yunāniyyah wa Rashf al-Nasā'iḥ al-Imāniyyah* oleh Shihab al-Din 'Umar bin Muhammad al-Sahrāwārdī (632H).
- vi. *Tahāfut al-Falāsifah* atau nama lainnya *al-Zakhīrah Fi al-Muhaqāmah Baynā al-Ghazālī wa al-Hukāma'* oleh 'Alā' al-Din al-Tūsī (w887H).
- vii. *Tahāfut Fi al-Muhaqāmah Bayn al-Ghazālī wa al-Falāsifah* oleh Khawājah Zādah (w893H).

1. *Tahāfut al-Falāsifah* oleh al-Ghazālī (w505H).

Nama beliau adalah Abu Hamid bin Muhammad al-Tūsī al-Ghazālī. Beliau dilahirkan di Tus Khurasan pada tahun 450H dan wafat pada tahun 505H. Beliau kemudian berhijrah ke Jurjan dan Naisabur untuk belajar dengan al-Juwainī yang merupakan ketua di Madrasah al-Nizāmiyyah pada ketika itu. Beliau menekuni ilmu fekah, usul fikh, mantik dan ilmu kalam sehingga al-Juwainī wafat. Selepas itu, al-Ghazālī mengambil alih tugas mengajar di Madrasah Nizāmiyyah pada tahun 383 (al-Dunya, 1966). Antara guru beliau ialah Ahmad bin Muhammad al-Razakani, Abi al-Qasim al-Isma'ili dan al-Juwainī. Al-Ghazālī menghasilkan banyak karya yang hampir mencapai 300 buah. Antara kitabnya yang mahsyur ialah *Ihya' al-Ulum al-Din*, *Maqāsid al-Falāsifah*, *Mi'yār al-Ilm*, *al-Iqtisad fi al-I'tiqād* dan *Tahāfut al-Falāsifah*.

Dalam tradisi Ashā'irah, al-Ghazālī merupakan salah satu ulama yang menulis mengenai falsafah. Karya-karya al-Ghazālī yang berfokus pada bidang falsafah mencakup kitab seperti "Maqāsid al-Falāsifah" dan "Mi'yār 'Ilm." Di dalam kitab "Maqāsid al-Falāsifah," al-Ghazālī menguraikan dengan terperinci pemikiran dan pandangan ahli falsafah Mashā'īyyah

tanpa melakukan kritik (al-Shamali, 1979:123). Sama seperti ulama Ashā'irah sebelumnya, al-Ghazālī tidak hanya mengkritik ahli falsafah Mashā'īyyah, bahkan beliau juga mengkritik aliran-aliran dan mazhab-mazhab yang dianggapnya bertentangan dengan akidah Islam. Di antara karyanya yang memfokuskan kepada kritikan dan penolakan terhadap aliran-aliran dan mazhab-mazhab lain adalah "Faysal al-Tafriqah bayn al-Islām wa al-Zindiqah" dan "Fadā'ih al-Batinīyyah."

Latar Belakang Kitab dan Penulis

Tahāfut al-Falāsifah adalah salah satu kitab yang sangat terkenal dalam dunia pemikiran falsafah Islam. Dalam bahasa Arab, "Tahāfut" bermaksud *al-tasaqut* dan *al-da'f*. Menurut al-Ahwani (t.th: 126), kitab "*Tahāfut al-Falāsifah*" membahas berkaitan pertentangan (*al-niza'*) antara agama dan falsafah. Para ahli falsafah dianggap bertentangan dengan ajaran-ajaran jelas yang terdapat di dalam al-Quran (*al-sarih*). Kitab ini terdiri daripada empat pengantar (muqaddimah), dua puluh permasalahan dan diakhiri dengan penutup.

Dalam muqaddimah pertama, al-Ghazālī (2002:10) menjelaskan bahawa ketika dia mempelajari falsafah, dia menemui bahawa pandangan dan pendapat para ahli falsafah adalah saling bertentangan. Oleh karena itu, dia memilih untuk memfokuskan perhatiannya kepada tokoh yang paling berpengaruh, iaitu Aristotle, kerana Aristotelah yang berhasil mengintegrasikan pelbagai pandangan ahli falsafah dan menjadi pemimpin dalam kalangan mereka. Ini memudahkan al-Ghazālī untuk mengkritik pemikiran Aristotle dengan lebih terperinci. Selain itu, al-Ghazālī juga memberi perhatian khusus kepada buku-buku yang ditulis oleh al-Farābī dan Ibnu Sina, kerana keduanya bertanggung jawab dalam menterjemahkan karya-karya para ahli falsafah sebelum mereka, meskipun terdapat kesalahan dan penyimpangan dalam terjemahan sebelumnya. Tujuan al-Ghazālī adalah untuk memfokuskan perbincangan pada kepelbagaiannya pandangan ahli falsafah (2002:12).

Dalam muqaddimah kedua, al-Ghazālī (2002:18) membahagikan khilaf antara ahli Falsafah Mashā'īyyah kepada tiga perkara:

- i. Pertama, merujuk kepada perselisihan yang melibatkan lafadz atau istilah sahaja seperti mereka menamakan pencipta alam (Allah SWT) sebagai *jawhar*. *Jawhar* dalam kefahaman mereka adalah sesuatu yang wujud tidak memerlukan kepada tempat, berdiri dengan sendiri, iaitu tidak memerlukan kepada berdiri. Mereka tidak memaksudkan *jawhar* dengan suatu yang mengambil ruang seperti mana yang dimaksudkan oleh musuh mereka. Perselisihan yang melibatkan perbezaan lafadz dan istilah ini tidak dibincangkan oleh al-Ghazālī.
- ii. Kedua, al-Ghazālī (2002:21) menyatakan sebahagian pegangan dan pendapat ahli falsafah Mashā'īyyah tidak bertentangan dengan usul agama kerana berkaitan dengan *tabi'iyyat* seperti perbahasan mengenai gerhana matahari dan bulan, perkara ini tidak dipuji dan dikecam.
- iii. Ketiga, perselisihan yang bercanggah dengan usul agama seperti perbahasan *hudūth* alam, sifat Allah SWT, kebangkitan dengan jasad dan badan, dengan pegangan dan pendapat mereka yang mengingkari dan pada masa yang sama bertentangan dengan *usul al-din* seperti "*qidam alam*" maka perkara ini perlu diberikan perhatian.

Dalam muqaddimah ketiga, al-Ghazālī menyatakan bahawa ahli falsafah Masha'īyyah berpandangan bahawa pegangan mereka adalah benar dan tidak bercanggah. Maka penentangan al-Ghazālī terhadap ahli Falsafah adalah sebagai orang yang mengingkari iaitu dengan bertindak membatalkan pegangan mereka dengan menghukum *ilzamat* yang pelbagai, al-Ghazālī mengilzamkan pengangan ahli falsafah sebagai Muktazilah, Karamiyyah dan Waqifiyyah.

Dalam muqaddimah keempat, al-Ghazālī (2002:18) menjelaskan bahawa pegangan ahli falsafah Mashā'īyyah mengenai *al-riyadiyat* dan ilmu mantik sebagai metodologi dalam berfikir adalah perkara *nazari* mengikut *nisbah usul al-din*, dan kesahihan *al-riyadiyat* berkaitan dengan ilmu hisab dan *al-handasah*. Manakala ilmu mantik adalah alat untuk berfikir yang digunakan oleh ahli falsafah seperti mana digunakan oleh mana-mana manusia, ilmu mantik bukanlah ilmu yang asing dan bukan hanya dikhurasukan kepada ahli falsafah, ilmu ini dikenali oleh umat Islam dengan nama *al-nazar*, *al-jadal* atau *madarik al-'Uqul*.

Keempat-empat muqaddimah yang dikemukakan oleh al-Ghazālī ini adalah sangat penting untuk difahami kerana ia mewakili pendirian dan metodologi kritikan al-Ghazālī terhadap ahli falsafah.

Menurut al-Ahwani (t.th:21), daripada 20 perbahasan di dalam *Kitab Tahafut al-Falāsifah* boleh dibahagikan kepada lapan tema besar iaitu: Hubungan Allah SWT dengan alam merangkumi empat perbahasan iaitu *qidam alam*, *abadiyyah alam* dan zaman, Allah SWT *fa'il* dan pencipta alam, dan kelemahan mengisbat kewujudan pencipta. *Al-Wahdaniyyah* dan kelemahan mengisbatnya (masalah kelima), *Al-Sifat al-Ilahiyyah* (masalah keenam sehingga kedua belas), *al-Ilmu bi al-Juz'iyyat* (masalah ketiga belas), *Falakiyyah* dan *Tabi'iyyah* (masalah keempat belas sehingga keenam belas), *al-Sababiyyah* (masalah ketujuh belas), *al-Nafs al-Insaniyyah* (masalah kesepuluh dan kesembilan belas), kebangkitan *al-ajsad* dan *Hashr* (masalah kedua puluh).

Di akhir kitab ini, al-Ghazālī (2002:80) membuat kesimpulan bahawa beliau mengakirkan pendapat ahli falsafah Masha'īyyah dalam tiga masalah iaitu *qidam alam*, Allah SWT tidak mengetahui *al-juz'iyyat* dan penafian terhadap kebangkitan dan *al-hashr* dengan jasad. Menurut al-Ghazālī pegangan ahli falsafah ini adalah merupakan kufur yang nyata kerana tidak terdapat daripada kalangan umat Islam yang berpegang dengan demikian. Di dalam kitab ini, al-Ghazālī juga memperincikan perkara yang dinaqalkan daripada Aristotle kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Wajib Takfir
- ii. Wajib *Tabdi'*
- iii. Tidak wajib ingkar.

Pengkategorian ini adalah sangat penting untuk difahami oleh para pengkaji supaya mereka dapat berlaku adil kepada pihak yang dikritik.

Al-Ghazālī tidak menolak apa yang dibawa oleh ahli falsafah seperti mana ulama' lain lakukan iaitu mengkritik falsafah dengan tanpa mengetahui hakikat sebenar falsafah. Hal ini membawa kepada kritikan yang sukar untuk difahami dan tidak sistematik. Pada awalnya beliau mempelajari dan mengkaji terdahulu falsafah selama tiga tahun kemudian beliau menulis kitab *Maqasid al-Falāsifah* bertujuan untuk merumuskan ilmu-ilmu falsafah, setelah itu diikuti

dengan kitab *Tahafut al-Falāsifah* bertujuan membincangkan pegangan ahli falsafah yang berakhir dengan mengkafirkan dan *mentafsiqkan* ahli falsafah dalam tiga perkara.

Di dalam kitab *Maqāsid al-Falāsifah*, al-Ghazālī menjelaskan pembahagian ilmu-ilmu falsafah. Beliau banyak bersetuju dengan ahli falsafah dalam bab matematik (*riyadiyāt*) kerana ia berdiri di atas akal dan tidak berlaku kesalahan, kebanyakannya betul dan hanya sedikit yang salah. Manakala dalam ilmu mantik kebanyakannya betul dan sedikit yang salah, dan tabi'iyyat bercampur di antara kebenaran dengan kebatilan.

Di dalam kitab *Tahāfut al-Falāsifah*, beliau menjelaskan kritikan dalam beberapa isu falsafah yang disebabkan oleh penyimpangan golongan ini daripada kebenaran. Kritikan beliau ke atas perkara yang berkaitan dengan ketuhanan (*al-Ilahiyyat*) dan *al-Tabi'yyat* dalam ilmu falsafah. Topik Perbincangan yang sama antara falsafah dan agama. Maka kritikan al-Ghazālī tidak bersifat menyeluruh dalam perbincangan fizik dan metafizik tetapi kritikan beliau hanya terhadap perkara yang terhad dan menjadi pertembungan antara falsafah dengan agama Islam sahaja.

Ahmad Tayyib (2004: 74) berpendapat kritikan al-Ghazālī dalam kitab *Tahāfut al-Falāsifah* hanyalah bertujuan untuk menimbulkan keraguan dan menghilangkan kepercayaan terhadap akal yang menjadi tulang belakang kepada ilmu falsafah, lebih tepatnya terhadap metafizik serta mengembalikan sumber yang berautoriti iaitu wahyu yang menjadi panduan umat Islam. Perbincangan falsafah yang menggunakan akal jauh berbeza daripada sumber wahyu.

Al-Ghazālī tidak menjelaskan beliau beriltizam dengan mazhab dan manhaj tertentu dalam kritikannya kerana pendirian kritikan beliau adalah menafikan dan menolak sejak daripada awal bukannya pendirian *isbat* dan *ijab*. Manhaj al-Naqd yang dirintis oleh al-Ghazālī telah memberi kesan yang besar kepada ulama kalam selepasnya seperti al-Sharustani, al-Razi dan al-Miklātī dan Ibn Taimiyyah.

Penentangan al-Ghazālī terhadap Falsafah Yunani adalah ke atas al-Farābī dan Ibn Sina. Selepas kemunculan kitab *Tahāfut al-Falāsifah*, kebanyakannya penulisan ulama Ashā'irah dalam kritikan terhadap ahli falsafah Mashā'īyyah adalah mengikut kerangka al-Ghazālī. Mereka dilihat sukar untuk membebaskan diri daripada mengikut kerangka ini. Fenomena kitab *Tahafut al-Falāsifah* telah melahirkan satu tradisi dalam dunia keilmuan Islam yang dinamakan sebagai “*Tahafut Tradition*”.

Jadual 1 : Isi Kandungan *Tahāfut al-Falāsifah*

Bil	Tajuk	Halaman
	Muqaddimah 1	76-78
	Muqaddimah 2 (Pecahan Ahli Falsafah Kepada 3 kumpulan	79-81
	Muqaddimah 3 (Tujuan penulisan kitab tahafut)	82-83
	Muqaddimah 4 (Dakwaan ahli falsafah tentang ketuhanan)	84-87
1	Masalah 1: Membatalkan pegangan ahli falsafah mengenai <i>qidam</i> alam	88-123

2	Masalah 2:	Membatalkan Pegangan Ahli Falsafah Mengenai Keabadian Alam, Zaman dan Harakah	124-133
3	Masalah 3:	Allah swt pencipta alam	134-154
4	Masalah 4:	Menjelaskan kelemahan mereka dalam istidlāl wujud pencipta alam	155-159
5	Masalah 5:	Menjelaskan kelemahan mereka dalam mendirikan dalil atas keesaan allah swt	160-171
6	Masalah 6:	Kesepakatan Ahli Falsafah Atas Kemustahilan Isbat Sifat Ilmu, Qudrat, dan Irādah bagi al-Mabda' al-Awwal	162-183
7	Masalah 7:	Membatalkan Pegangan Mereka bahawa al-Awwal Tidak Harus Bersekutu Selain Daripada-Nya dalam <i>Jins</i> , dan Berbeza dalam <i>Al-Fasl</i>	184-187
8	Masalah 8:	Membatalkan Kewujudan <i>al-Awwal</i> adalah Basit Iaitu Kewujudan <i>Al-Mahd</i> , Tidak Ada <i>Mahiyyah</i> , Hakikah.	188-190
9	Masalah 9:	Kelemahan Mendirikan Dalill Atas <i>al-Awwal</i> Tidak Berjisim	191-195
10	Masalah 10:	Kelemahan mendirikan dalil bahawa alam ada pencipta dan 'illah	196-197
11	Masalah 11:	Kelemahan Mereka Yang Mendakwa <i>al-Awwal</i> Tidak Mengetahui Selain Dari-Nya, Dan Mengetahui <i>al-Anwa'</i> , <i>al-Ajnas</i> Dengan Secara Kulli.	198-205
12	Masalah 12:	Kelemahan Mereka Mendirikan Dalil Bahawa <i>Al-Awwal</i> Mengetahui Zatnya	206-215
13	Masalah 13:	Kelemahan Mendirikan Dalil Bahawa Langit Adalah Haiwan Yang Taat Kepada Allah SWT Dengan Harakah al-Dauriyyah	216-221
14	Masalah 14:	Membatalkan Pandangan Mereka Mengenai Tujuan <i>al-Muharrir al-Sama'</i>	222-225
15	Masalah 15:	Membatalkan Bahawa <i>al-Nufus al-Sama'wat Mutali'ah</i> Keatas Keseluruhan <i>al-Juz'iyyat al-Hadithah</i> Dalam Alam Ini	226-233
16	Masalah 16:	<i>al-Tabi'yyah</i>	234-251
17	Masalah 17:	<i>al-Asbab wa al-Musababat</i>	252-274
18	Masalah 18:	Kelemahan Dalam Mendirikan <i>al-Burhān al-'Aqli</i> Bahawa <i>Al-Nafs al-Insaniyyah Jawhar Ruhani</i> Berdiri Dengan Sendiri	275-281
19	Masalah 19:	Membatalkan Pendapat Mereka Bahawa <i>al-Nufus Al-Insaniyyah</i> Mustahil Ketasnya al-'Adam Selepas Wujudnya Ia Adalah Kekal, Mustahil Binasa.	282-304
20	Masalah 20:	Membatalkan Ingkar Mereka Terhadap Hari Kebangkitan Dengan Jasad	

Penutup:	Mengkafirkan Dalam 3 Perkara: a. Masalah <i>Qidam</i> Alam b. Ingkar Ilmu Allah SWT Terhadap <i>al-Juz' iyyat</i> c. Ingkar Kebangkitan Dengan Jasad	305
----------	---	-----

2. *Tuhfah al-Mutakalimin Fi al-Rad 'Ala al-Falasifah* oleh Rukn al-Din bin al-Malahimi al-Khwarizmi (536H/1141).

Latar Belakang Kitab dan Penulis

Kitab ini disempurnakan di antara tahun 532H dan 536H iaitu selepas keberadaan kitab *Tahafut al-Falāsifah* al-Ghazālī setelah hampir 50 tahun. Kitab ini ditahqiq oleh Hasan Ansari dan W. Madelung dan diterbitkan oleh Iranian Institute of Philosophy pada tahun 2008. Menurut W. Madelung kitab ini tidak dikenali kerana ditulis oleh ulama Muktazilah, maka ia tidak mendapat perhatian umat Islam yang majoritinya berpegang kepada mazhab Al-Asha'arī dan al-Maturidi. Pada masa tersebut, penulisan ulama Muktazilah tidak diketengahkan kerana bertentangan dengan fahaman ulama sunni pada ketika itu. Walaubagaimanapun, Ibn al-Malahimi tidak pernah menyebut nama al-Ghazālī di dalam kitab ini. W. Madelung (2008: iii) merumuskan bahawa Ibn al-Malahimi seolah-olah tidak mengiktiraf kritikan al-Ghazālī terhadap Ibnu Sina.

Dalam muqaddimah kitab ini, Ibn al-Malahimi (2008:3) menjelaskan objektif penulisannya bahawa kitab ini ditulis selepas beliau menulis kitab *al-Mu'tamad Fi al-Usul*. Kitab *Tuhfah al-Mutakalimin Fi al-Rad 'Ala al-Falāsifah* menjelaskan mengenai pegangan mazhab dan aliran umat Islam secara terperinci. Beliau menjelaskan bahawa muta'akhirin daripada ahli falsafah Islam seperti al-Farābī dan Ibnu Sina serta pengikut mereka mengenai alam, isbat pencipta *qadim* dan sifat-sifatnya, hakikat kenabian, syariat dan hari kebangkitan. Ibn al-Malahimi (2008:3) mendapati bahawa ahli falsafah telah terkeluar daripada agama Islam melalui jalan *mutaqadim* ahli falsafah.

Ibn al-Malahimi (2008:4) menyatakan kaedah penulisan kitab ini bahawa beliau memulakan dengan menyatakan pegangan dan pendapat ahli falsafah mengenai *hudūth* alam, isbat pencipta dan sifat-sifatnya, kenabian, syariat, *al-ma'ad*, pahala dan dosa secara keseluruhan (*al-jumlah*), kemudian beliau menjelaskan kesepakatan mazhab ahli falsafah ini dengan mazhab al-dahriyyah, al-sanawiyyah dan nasara al-yunaniyyah. Seterusnya, Ibn al-Malahimi (2008:4) menyebut pendapat yang ditarjihkan oleh mazhab ahli falsafah keatas mazhab umat Islam. Beliau akan memperincikan pendapat dan pegangan mereka dan mengemukakan kritikan keatas mereka berdasarkan dalil dan hujah. Ibn al-Malahimi (2008:4) turut mengingatkan umat Islam bahawa mereka boleh menjadi sesat seperti mana pengikut agama Nasara yang mengambil falsafah yunani sebagai rujukan.

Berikut adalah isi kandungan kitab *Tuhfah al-Mutakalimin Fi al-Rad 'Ala al-Falāsifah* oleh Rukn al-Din bin al-Malahimi al-Khwarizmi (536H/1141):

Jadual 2: Isi Kandungan *Tuhfah al-Mutakalimin Fi al-Rad ‘Ala al-Falāsifah*

Bil	Tajuk	Halaman
	Muqadimah	4-5
1	Bab Menjelaskan Pendapat Ahli Falsafah <i>Hudūth</i> Alam dan Isbat Pencipta, Sifat Dan Perbuatan Allah SWT Taala	6-8
2	Bab Menjelaskan Persamaan Pendapat Ahli Falsafah Dengan Golongan Awal Falsafah, al-Sabi’ah, al-Thanawiyyah, al-Dahriyyah, al-Majusi dan al-Nasara	9-14
3	Bab menjelaskan apa yang ditarjihkan mengenai Allah swt	15-37
4	Bab <i>al-Qawl</i> Mengenai Hudūth Alam	38-42
5	Bab <i>al-Qawl Fi Sifat Allah SWT Ta’ala</i>	43-47
6	Bab <i>al-Qawl</i> Menjelaskan Perbezaan Antara al-Qadir dan Al-Mujib, al-Dilalah	
7	Bab Dalil Ahli Falsafah Bahawa Allah SWT <i>Mujib Li Zatihi</i>	52-57
8	Bab menjelaskan perbincangan ahli falsafah mengenai sifat Allah swt secara terperinci	58-113
9	Bab Pendapat Ahli Falsafah Mengenai al-Ajsam al-Samawiyah	114-122
10	Bab Isbat ‘Uqul al-Mujaraddah	123-129
11	Bab Pendapat Ahli Falsafah Mengenai <i>Wujud al-Ashi’ah</i> Daripada <i>Al-Mabda’ al-Awwal</i>	130-134
12	Bab <i>al-Qawl</i> Mengenai al-Taklif dan al-Syara’I	135-146
13	Bab al-Kalam Mengenai Kenabian	147-153
14	Bab Mengenai Ahkam al-Akhirah	168-169
15	Bab <i>Baqā al-Muhdath</i>	170-174
16	Bab <i>al-Qawl</i> Mengenai <i>al-‘Iadah</i>	175-179
17	Bab Mengenai <i>al-Tsawab</i> dan <i>al-‘Iqab</i>	180-208
18	Bab <i>al-Qawl</i> Mengenai <i>al-Ma’na al-Batin Fi Khitabihi</i>	209-220
19	Bab <i>al-Qawl</i> Mengenai <i>al-Ma’na al-Batin Dalam Khitab Allah SWT Ta’ala</i>	221-220

3. ***Musara’ah al-Falāsifah* oleh al-Sharustani (w547H)****Latar Belakang Kitab dan Penulis**

Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Abi al-Qasim Abd al-Karim bin Abi Bakar al-Sharustani. Beliau diiktiraf sebagai al-Afdhal, al-‘Alammah dan Taj al-Millah dan al-Din Falasifah (Mukhtar, 1976:21). Al-Sharustani dinisbahkan daripada sebuah negeri yang bernama Sharustan yang terletak diantara Naysabur dan Khawarzim. Al-Sharustani lahir pada tahun 479H di Ghadwan. Pada peringkat awal, beliau belajar dengan bapanya kemudian bapanya menghantar ke masjid untuk mengikuti pengajian di sana. Apabila mencapai usia tiga puluh tahun, al-Sharustani bermusafir menunaikan haji pada tahun 510H, kemudian beliau ke Baghdad dan dilantik menjadi pengajar di Madrasah al-Nizamiyyah. Kemudian beliau pulang ke negara asalnya. Al-Sharustani terkenal sebagai seorang ulama yang meninggalkan banyak

kitab-kitab penulisan dalam pelbagai bidang antaranya dalam falsafah, ilmu kalam, tarikh, fikh dan tafsir seperti *al-Milal wa al-Nihal*, *Nihayah al-Aqdam Fi Ilm al-Kalam* dan *Musara'ah al-Falasifah* (Mukhtar, 1976:21).

Antara asas utama kritikan al-Sharustani keatas ahli falsafah ialah keadaan semasa perkembangan ilmu falsafah dalam kalangan umat Islam. Sebahagian daripada umat Islam terpengaruh dengan pemikiran Ibnu Sina, mereka bukan sahaja membaca karya-karya Ibnu Sina tetapi mensyarahkan dan mengembangkan falsafah Ibnu Sina. Kerisauan ini dijelaskan dalam muqaddimah kitab *Musara'ah al-Falasifah* (Mukhtar, 1976:21).

Al-Sharustānī (m.547H) mengkritik falsafah Mashā'īyyah dalam *Nihāyat al-Aqdam Fi 'Ilm Kalām* dan dengan bukunya berjudul *Musara'ah al-Falasifah* yang dikhurusukan untuk mengkritik Ibn Sina (Azrasyab, t.th). Al-Sharustani juga membentangkan prinsip dan pegangan aliran lain dalam *al-Milal wa al-Nihal*, *Ahbāb al-Diyānat wa al-Milal* dan *Ahl al-Ahwā' wa Nihāl*. Kitab *Musāra'ah al-Falasifah* telah mendapat perhatian Al-Tusi (m.672H) yang kemudiannya menulis kitab *Musara'ah al-Falasifah* untuk menolak kritikan Kitab *Musara'ah al-Falasifah* (Madelung & Mayer, 2001). Kitab ini membahaskan tujuh permasalahan dalam *al-Ilahiyyat* seperti pembahagian wujud, *wujud wajib al-wujud*, tauhid *wajib al-wujud*, ilmu *wajib al-wujud*, *hudūth* alam, *hasr al-mabadi'* dan *mushkilah wa shukuk mu'adhalah*.

Kitab ini dinamakan *Musara'ah al-Falasifah* kerana tidak hanya terhad kepada mengkritik seorang ahli falsafah sahaja tetapi kritikan al-Sharustani di dalam kitab ini merangkumi sekumpulan ahli falsafah terdahulu. Menurut Suhair Muhammad Mukhtar (1976:30) sekiranya kitab ini hanya untuk mengkritik Ibnu Sina sahaja nescaya al-Sharusatani akan menamakan kitab ini dengan *Musara'ah al-Faylasuf* akan tetapi al-Sharustani mengkritik sekumpulan ahli falsafah tetapi kritikan ini hanya menumpukan kepada Ibnu Sina kerana beliau antara salah seorang yang sangat terpengaruh dengan ahli-ahli falsafah Yunani sehingga beliau dianggap sebagai wakil atau ketua golongan ini pada zaman tersebut.

Kitab ini bukan sahaja bertujuan untuk berlawan dengan ahli falsafah, pada masa bertujuan untuk menjelaskan kesalahan ahli falsafah serta menundukkan mereka. Pendekatan al-Sharustani juga bertujuan untuk membuktikan pegangan ahli falsafah membawa kepada kemustahilan

Di dalam muqaddimah kitab ini, al-Sharustani menyatakan, tujuan penulisan kitab ini adalah respon kepada permintaan al-Amir Abi Qasim Ali bin Ja'far al-Musawi (w.545H) yang meminta beliau menulis kritikan. Buku ini terdiri daripada lima perbahasan utama iaitu:

- a. Pembahagian jenis-jenis wujud.
- b. Wujud wajib al-wujud.
- c. Tauhid Wajib al-Wujud.
- d. Sifat Ilmu Wajib al-Wujud
- e. *Hudūth* Alam (al-Shahrustani, 1979:23).

Al-Sharustani (1979:27) turut menjelaskan manhaj penulisan kitab *Musara'ah al-Falasifah* adalah merujuk kepada pegangan Ibnu Sina mengenai ketuhanan dalam kitab *al-Shifa'*, *al-Najah*, *al-Isharat* dan *al-Ta'līqat*. Kedua, beliau mensyaratkan kepada dirinya untuk tidak berlepas diri daripada merujuk karya-karya asal Ibnu Sina dan menghindari daripada

menjadi mutakallim yang berdebat dan *sophist* yang degil. Al-Sharustani memilih untuk mendepani Ibnu Sina dengan menggunakan manhaj dan kaedah pendalilan ahli falsafah. Al-Sharustani menggambarkan bahawa beliau akan berada pada kedudukan yang tinggi seperti mana kedudukan seorang qadhi dan hakim untuk mengadili dua orang yang bertelagah dengan penuh kebenaran dan keadilan.

Terdapat tiga faktor utama penulisan kitab *Musara'ah al-Falāsifah* iaitu; Pertama, faktor mazhab adalah merupakan faktor utama, kerana al-Sharustani berpegang kepada mazhab al-Asha'arī malah beliau merupakan ulama mazhab dan mempertahankan mazhabnya dan mengkritik mereka yang bertentangan dengan mazhab al-Asha'arī. Disini kita dapat titik temu antara al-Sharustani dgn al-Ghazālī. Kedua, kemampuan al-Sharusani dari sudut akal dan pemikiran kritis beliau memahami isu-isu falsafah. Ketiga, kebergantungan beliau terhadap akal dan mantik, dan jauh daripada taqlid, beliau tidak mengikut sahaja apa yang dilakukan oleh mereka sebelumnya dan sezaman dengannya. Berikut adalah isi kandungan kitab *Musāra'ah al-Falāsifah* oleh al-Sharūstanī (w547H).

Jadual 3: Isi Kandungan *Musara'ah al-Falāsifah*

Bil	Tajuk	Halaman
	Muqadimah	13-19
1.	Masalah 1: Himpunan Bahagian-Bahagian <i>al-Wujud</i>	20-37
2.	Masalah 2: <i>Wujud Wajib al-Wujud</i>	38-57
3.	Masalah 3: <i>Tauhid Wajib al-Wujud</i>	58-71
4.	Masalah 4: <i>Ilmu Wajib al-Wujud</i> dan Ta'alluqnya Dengan Al-Kulli dan al-Juz'i	82-96
5.	Masalah 5: <i>Hudūth Alam</i>	97-124
6.	Masalah 6: <i>Isbat al-Nubuwwah Min Madarik al- 'Aql wa Manahijih</i>	126
	Masalah 7: <i>Mushkilah wa Syukuk Mua 'dhalah</i>	

4. *Lubāb al-'Uqūl Fi Rad 'Ala al-Falāsifah Fi Ilm Kalam* oleh Abu al-Hujāj Yusūf bin Muhammād al-Miklātī (626H).

Tujuan utama penulisan Kitab *Lubāb al-'Uqūl* adalah dikhusruskan untuk mengkritik ahli falsafah Mashā'īyyah seperti yang dinyatakan oleh beliau dalam muqaddimah kitabnya (al-Miklati, 1977:23):

وسمينا بكتاب لباب العقول في الرد على الفلاسفة في علم الاصول وقصدنا فيه الرد على
ارسطوطاليس ومن تبعه من فلاسفة المشائين

Beliau turut menyatakan bahawa kitab ini tidak bertujuan untuk mengkritik golongan *al-Sufasta'iyyun* kerana kesalahan dalam hujah mereka mudah untuk diketahui. Kitab ini banyak memuatkan perbahasan mengenai ketuhanan seperti pengisbatan alam ada pencipta, keesaan, serta sifat-sifat Allah SWT, Allah SWT mengetahui zat-Nya dan seluruh perkara yang wujud sifat Mutakkallim dan penafian tempat bagi Allah SWT (al-Miklati, 1977:20).

Al-Miklātī di dalam kitab *Lubāb al-'Uqūl* menjelaskan tujuan penulisan kitab ini adalah untuk mengkritik Aristotle dan mereka yang mengikutnya yang terdiri daripada ahli falsafah *Mashā'iyyah* dengan menggunakan senjata mereka sendiri iaitu berdasarkan kepada ilmu mantik. Menurut Fawqīyah (1977) dalam kitab ini tidak hanya terhad kepada mengkritik ahli falsafah *Mashā'iyyah*, malah juga mengkritik pandangan dan aliran yang bertentangan dengan ulama Ashā'irah seperti Muktazilah dan al-Karamīyyah. Di dalam kitab ini ahli falsafah merujuk kepada dua nama yang disebut seperti al-Farābī dan Ibn Sina.

Kitab ini memuatkan 17 perbahasan kritikan al-Miklātī terhadap ahli falsafah *Mashā'iyyah* iaitu *huduth* alam, harus ketiadaan alam, ruh manusia adalah *jawhar qadim*, pengisbatan pencipta bagi alam, mustahil bagi Allah SWT ada tempat (*jihah*), perbahasan keesaan Allah SWT (*wahdaniyyah*), perbahasan sifat ilmu dengan hukum berkaitan dengan sifat, perbahasan isbat sifat, Allah SWT mengetahui zatnya dan kesemua yang wujud, isbat sifat mutakallim Allah SWT swt, irādah kainat, tahsin dan *taqbih*, *al-huda wa dhalal*, *isbat al-nubuwat*, isbat kenabian Muhammad saw, hukum akhirat dan *asma*, *ahkam*, *tsawab* dan *'iqab*.

Jadual 4 : Isi Kandungan Kitab *Lubāb al-'Uqūl*

Bil	Tajuk	Halaman
	Muqdimah	1-7
Bab 1:	<i>al-Qawl Mengenai Hudūth al-'Alam</i>	8-108
Bab 2:	<i>al-Qawl Mengenai Jawaz Ketiadan ('Adam) Alam</i>	109-118
Bab 3:	<i>al-Qawl Mengenai Kritikan Keatas Ahli Falsafah</i>	119-153
Bab 4:	<i>al-Qawl Mengenai Isbat Alam Ada Pencipta</i>	154-172
Bab 5:	<i>al-Qawl Mengenai Kemustahilan al-Jihah bagi Allah SWT</i>	173-186
Bab 6:	<i>al-Qawl al-Ilm bi al-Wahdaniyyah</i>	187-204
Bab 7:	<i>al-Qawl Mengenai Isbat Ilmu bagi Hukum-hukum Sifat</i>	205-218
Bab 8:	<i>al-Qawl Mengenai Isbat al-Sifat</i>	219-232
Bab 9:	<i>al-Qawl Mengenai Allah SWT 'Alim Dengan Diri</i>	233-245
Bab 10:	<i>al-Qawl Mengenai Isbat Keadaan Allah SWT</i>	255-285
	<i>Mutakalliman, Bi Kalam Qadim</i>	
Bab 11:	<i>al-Qawl Mengenai Irādah al-Ka'inat</i>	286-301
Bab 12:	<i>al-Qawl Mengenai al-Tahsin wa al-Taqbih</i>	302-327
Bab 13:	<i>al-Huda, al-Dhalal, al-Khatm, al-Tab', Sharh al-Sadr, Al-Tawfiq dan al-Khuzlan</i>	328-329
Bab 14:	<i>al-Qawl Isbat al-Nubuwat</i>	330-379
Bab 15:	<i>Ringkasan Mengenai Hukum Hakam Akhirat dan Perkara Yang Berkaitan Dengan al-Sama', Al-I'adah, Al-Hawdh, al-</i>	380-396

Menurut Ahmad (t.th) Al-Miklātī mengikut manhaj ulama muta'akhirin Al-Ashā'irah. Antara bukti yang menunjukkan al-Miklātī daripada kalangan ulama Al-Ashā'irah apabila beliau setuju dengan pandangan al-Asha'arī dan ulama Al-Ashā'irah yang lain dan menjadikan pendapat mereka sebagai hujah. Antara pernyataan al-Miklātī:

- i. Perkara ini telah dijawab oleh Abu Hasan al-Ashari.....(al-Miklātī, 1977:213)
- ii ...dan pendapat ini dikemukakan oleh Abu Hamid dan sebahagian daripada ulama Al-Ashā'irah dan ini adalah pendapat yang dipilih oleh kami....(al-Miklātī, 1977:213-214).
- iii. Al-Miklātī berpegang kepada pendapat *al-Kalam al-Nafsi* (al-Miklātī, 1977:255-260).

Selain itu, al-Miklātī terkesan dengan penulisan kitab *al-Irsyād* oleh al-Juwaynī seperti mana ulama Al-Ashā'irah *al-Maghrib* yang lain. Al-Miklātī mengkritik ahli falsafah seperti di dalam kitab *al-Irsyād*, malah dapat dilihat bahawa al-Miklātī menggunakan ibarat yang digunakan dalam kitab tersebut tanpa mengubah nas dalam kitab *al-Irsyād* (Muhammad Ahmimad, 2018:23). Berikut adalah beberapa persamaan diantara kitab *Lubāb al- 'Uqūl* dengan Kitab *al-Irsyād*:

- i. Petikan daripada kitab *al-Irsyād* (al-Juwaynī : 1950:72):

وذهب الجبائي وابنه إلى أن المعنى بكونه سميوا بصيراً أنه حي لا آفة به

Petikan daripada kitab *Lubāb al- 'Uqūl* (al-Miklātī, 1977:213):

وذهب الجبائي وابنه إلى أن المعنى بكونه سميوا بصيراً أنه حي لا آفة به

2. Petikan daripada kitab *al-Irsyād* (al-Juwaynī, 1950:99):

وأطبق المتنمون إلى الإسلام على إثبات الكلام، ولم يصر صائر إلى نفيه، ولم ينتحل أحد في كونه متكلماً نحلاً نفاة الصفات في كونه عالماً قادرًا حيًّا

Petikan daripada kitab *Lubāb al- 'Uqūl* (al-Miklātī, 1977:255):

وأطبق المتنمون إلى الإسلام على إثبات الكلام، ولم يصر صائر إلى نفيه، ولم ينتحل أحد في كونه متكلماً نحلاً نفاة الصفات في كونه عالماً قادرًا حيًّا

Kemunculan al-Miklātī selepas kewafatan al-Ghazālī merupakan satu kelebihan kepada al-Miklātī kerana beliau telah mendalami dan memahami apa yang telah dilakukan oleh ulama Ashā'irah sebelumnya terutama al-Ghazālī terhadap ahli falsafah *Mashā'īyyah*. Menurut

Hamdan (2005), al-Miklātī telah mengkaji kritikan al-Ghazālī dalam kitab *Tahāfut al-Falāsifah* sebelum menulis kitab *Lubāb al-'Uqūl*. Oleh yang demikian, al-Miklātī mampu untuk mengkritik dan menambah baik kritikan yang telah dibuat al-Ghazālī. Dalam pada itu al-Miklātī juga mengkritik hujah-hujah yang dikemukakan oleh ulama Ashā'irah seperti al-Baqilānī dengan menjelaskan kesalahan dalam pembuktian (Adouhane, 2012).

Walaupun penulisan kitab *Lubāb al-'Uqūl* oleh al-Miklātī adalah mengikut susunan perbahasan kitab *Tahāfut al-Falāsifah* namun kaedah kritikan yang dibuat oleh al-Miklātī terdapat kelainan dengan karya asal al-Ghazālī. Antara perbezaan pendekatan kritikan al-Miklātī dengan al-Ghazālī, ialah al-Miklātī menumpukan kritikan kepada perkara-perkara yang diyakini dan diakui oleh ahli falsafah dan tidak pada perkara yang ada percanggahan sesama mereka. Selain itu, al-Miklātī tidak hanya bergantung kepada hujah-hujah al-Ghazālī dalam mengkritik ahli falsafah Mashā'īyyah malah beliau dilihat mengkritik hujah yang dikemukakan oleh al-Ghazālī dan menjelaskan kelemahan kritikan tersebut dalam beberapa perkara (Hamdan, 2005). Hal ini menyerlahkan kehebatan al-Miklātī sebagai ulama yang berkemampuan untuk menilai kritikan ulama Ashā'irah yang lain.

Tambahan pula, al-Miklātī merupakan seorang ulama yang hidup sezaman dengan Ibn Rushd. Selepas Ibn Rushd menulis Kitab *Tahāfut Tahāfut al-Falāsifah* untuk mengkritik kitab *Tahāfut al-Falāsifah* oleh al-Ghazālī tidak ada ulama Ashā'irah yang memainkan peranan untuk menilai kritikan Ibn Rushd tersebut. Namun begitu, pengkaji seperti Hamdan (2005:12) dan Adouhane (2012:4) menyatakan bahawa al-Miklātī merupakan pembaca dan pengkritik Ibn Rushd. Adouhane (2012:5) menyifatkan kitab *Lubāb al-'Uqūl* sebagai *Tahāfut Tahāfut Tahāfut al-Falāsifah* iaitu karya yang membatalkan kritikan Ibn Rushd terhadap al-Ghazālī. Antara bukti yang menunjukkan al-Miklātī mengkaji karya-karya Ibn Rushd, ialah apabila beliau memetik hujah-hujah Ibn Rushd dan menggunakan istilah-istilah yang digunakan oleh Ibn Rushd di dalam kitab *Tahāfut Tahāfut al-Falāsifah* dan kitab *Jawāmi' Kitab Ma Ba'da al-Tabī'ah*. Kelebihan kritikan al-Miklātī terhadap ahli falsafah Mashā'īyyah apabila beliau dapat membandingkan hujah dan menilai kritikan yang dikemukakan oleh al-Ghazālī dan Ibn Rushd dalam sesuatu perbincangan.

Menurut Hamdan (2005:3) kritikan yang dibuat di dalam kitab ini menunjukkan penulisnya memahami dengan baik perbincangan ahli falsafah Mashā'īyyah malah kritikan tersebut disusun mengikut kaedah al-qiyās yang terdiri daripada muqaddimah yang bertepatan dengan disiplin ilmu mantik. Oleh yang demikian, kesalahan dan kecacatan dalam penghujahan ahli falsafah Mashā'īyyah daripada muqaddimah hingga ke natijah dapat dilihat dengan mudah.

Judul kitab ini menjelaskan isi kandungan kitab ini, kitab ini ditulis adalah bertujuan untuk mengkritik ahli falsafah dalam permasalahan usul (akidah). Isu-isu yang berlaku pada masa tersebut seperti pendapat yang mengatakan alam *qadim*, wujud, dan berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh ahli falsafah (Fawqīyah, 1977:71). Namun begitu, kitab ini bukan sahaja bertujuan untuk mengkritik ahli falsafah tetapi juga mengkritik mereka yang bertentangan dengan prinsip ahli *haq* iaitu Al-Ashā'irah. Hal ini kerana disebut juga selain daripada ahli falsafah iaitu Muktazilah dan Karamiyyah. Menurut al-Khātib kitab ini mengandungi kritikan dan penolakan keatas ahli falsafah dalam masalah akidah, usul, dan pemikiran yang bersifat umum. Kitab ini menjelaskan kaedah untuk menolak dan mengkritik pemikiran dan pendapat ahli falsafah dalam isu tauhid, wujud, zaman, zat, sifat, *khulud al-nafs*,

ilmu Allah SWT dan lain-lain. Menurut Fawqīyah (1977:73), ketokohan al-Miklātī terserlah apabila beliau tidak hanya memahami dengan baik istilah dan kefahaman ahli falsafah bahkan kemampuan beliau mengemukakan qiyas-qiyas yang tersusun mengikut disiplin ilmu Mantik. Hal ini dapat membongkar kesalahan penghujahan ahli falsafah dengan ilmu mantik dengan mudah.

5. *Kashf Al-Fada’ih al-Yunaniyyah wa Rashf Al-Nasa’ih Al-Imaniyyah* Oleh Shihab Al-Din Umar Bin Muhammad Al-Sahrawardi (632h).

Latar Belakang Kitab dan Penulis

Nama penuh beliau ialah Abu Hafs Umar bin Muhammad bin Abdullah Ibn Umuwaih al-Sahrawardi al-Baghdadi (539H-632H). Beliau merupakan ulama tasawuf yang terkenal dan merupakan pengasas tariqat al-Sahrawardiyyah yang merupakan tariqat yang mahsyur pada kurun ke-6 dan ke-7 Hijrah. Al-Sharawardi terkesan dengan al-Sahrurwardi bin Siraj al-Tusi penulis kitab *al-Luma’* (378H) al-Qushairi (465H) penulis kitab *Risalah al-Qushairi*, al-Makki (386H) penulis kitab *Quwat al-Qulub* dan al-Ghazālī (505H) penulis kitab *Ihya Ulum al-Din* (al-Mana’i, 1999:22). Antara karangan beliau: ‘*Awarif al-Ma’arif*, ‘*Alam al-Huda wa Aqidah Arbab al-Tuqa* dan *Nughbat al-Bayan Fi Tafsir al-Quran*. Beliau mempunyai persamaan dengan al-Ghazālī dari aspek berusaha mempertahankan pemikiran Islam daripada pengaruh falsafah Yunani yang dibawa oleh aliran ahli falsafah Mashaiyyah dalam kalangan umat Islam seperti Ibn Sina dan lain-lain (al-Mana’i, 1999:22).

Kitab ini diberi nama *Kashf al-Fada’ih al-Yunaniyyah wa Rashf al-Nasa’ih al-Imaniyyah* bertujuan untuk membuka kesalahan dan kelemahan ahli falsafah melalui perdebatan. Kitab ini ditulis pada tahun 621H iaitu sepuluh tahun sebelum kematian beliau. Kitab ini ditulis disebabkan beliau melihat masyarakat telah mencampuradukkan antara nas syarie dengan kefahaman akal yang menyebabkan kecelaruan (al-Mana’i, 1999:25). Oleh sebab kebimbangan ini beliau mengambil pendekatan untuk mengkritik mereka yang dinamakan sebagai ahli falsafah Yunani sebagai memenuhi keperluan semasa. Dalam banyak tempat di dalam bukunya beliau mengaitkan ahli falsafah dengan golongan al-dahriyyin, al-zindiq, dan mulhidah sehingga menyamakan mereka dengan penyembah berhala yang mereka ciptakan iaitu berbentuk pengetahuan dan kefahaman akal (al-Mana’i, 1999:25).

Beliau menegaskan di dalam muqaddimah kitabnya bencana dan fitnah yang terbesar apabila terdapat golongan yang menyembunyikan kekufuran, berselindung dibalik tabir agama, menzahirkan bahawa mereka daripada umat Islam, bergaul dengan orang Islam. Di dalam kitab beliau menyatakan “wahai mereka yang berpura-pura Islam daripada *mutaqaddimin* dan *muta’akhirin* seperti Ya’qub al-Kindi, Hunayn bin Ishak, Yahya al-Nahw dan yang lain-lain seperti al-Farābī dan Ibn Sina (al-Sahrawardi, 1999). Kitab ini ditahqiq oleh ‘Aisyah Yusuf al-Mana’ai dan diterbitkan pada tahun 1999. Menurut al-Mana’ai (1999), kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Parsi oleh Mu’in al-Din bin Jalal

Menurut al-Mana’i (1999:34) sememangnya tidak dapat dinafikan lagi kaitan antara al-Ghazālī dengan al-Suhwaradi, ini kerana al-Ghazālī menghabiskan kebanyakkan hidupnya di Baghdad dan hidup diantara tahun 405H hingga 505H, dan mempunyai kitab mahsyur dalam kritikan terhadap falsafah, manakala al-Sahrurwadi lahir pada tahun 539H, selepas 34 tahun

kewafatan al-Ghazālī, beliau tinggal di Baghdad maka dapat kita simpulkan terdapat pengaruh al-Ghazālī terhadap pemikiran al-Suhrawardi.

Perbezaan antara metode penulisan al-Sahruwardi dapat dilihat dalam kaedah perdebatan dengan antara ahli falsafah, al-Ghazālī merupakan seorang yang menguasai perbahasan falsafah manakala al-Suhwaardi tidak menguasai falsafah secara mendalam. Namun tidak dinafikan terdapat juga sentuhan peribadi beliau, al-Suhrawardi dalam kritikan beliau terhadap falsafah lebih banyak bergantung kepada hujah naqli iaitu al-Quran dan Sunnah, dan kasyaf daripada Allah SWT.

Al-Suhrawardi (1999:67) menyatakan kita tidak menolak perkara-perkara yang dibawa oleh falsafah yang terbukti kesahihannya seperti perbahasan yang berkaitan dengan al-handasah, riyadhiyah dan al-tab'iyyah tetapi apa yang dikritik adalah perkara yang melibat kecelaruan dalam isu ketuhanan yang djelaskan oleh ahli falsafah. Kecelaruan ini berlaku dalam perkara ketuhanan kerana taqlid Ibn Sina dan al-Farābī bagi falsafah Aristotle. Imam Ghazali menghimpunkan 20 masalah dan mengkafirkan 3 pendapat dan membidaahkan baki yang lain, al-Suhwardi juga mengikut kaedah al-Ghazālī, tetapi beliau banyak bergantung kepada hujah al-quran dan sunnah.

Pertama, terdapat pengaruh al-Ghazālī yang jelas dalam kritikan al-Suhwardi, kitab *Kashf al-Nasa’ih* juga mendapat kritikan balas daripada Dhia’ al-Din Abi al-Hasam Mas’ud al-Syirazi (655H) menulis kitab *Kashf al-Asrar al-Imaniyyah wa Hatk al-Astar al-Hutamiyyah*.

Kedua, kritikan Imam al-Ghazālī lebih bersifat akademik (*maudu’i*) iaitu sekiranya beliau hendak mengkritik ahli falsafah terlebih dahulu beliau akan menjelaskan pendapat ahli falsafah secara detail dan jelas, kemudian barulah beliau menjelaskan kesalahan pegangan ahli falsafah, dan ketidakmampuan untuk ahli falsafah mengemukakan hujah yang tepat, dan tidak memadai dengan itu, beliau turut mendatangkan teori (*furud*) yg kemungkinan didakwa oleh ahli falsafah kemudian mengkritiknya satu persatu, alat yg digunakan oleh al-Ghazālī adalah alat al-musalamat yg diterima oleh al-Ghazālī. Manakala al-Suhrawardi tidak mengikut kaedah ini, beliau kebanyakkan tidak membentangkan pendangan ahli falsafah dalam seseuatu isu, beliau hanya terus mengkritik dan menolak pandangan falsafah dengan beranggapan pembaca telah mengetahui perkara tersebut, beliau juga banyak menjelaskan pandangan agama terhadap sesuatu masalah kemudian beristidlāl dengan al-Quran dan sunnah, sekiranya sesuatu perkara tersebut telah ditetapkan oleh agama maka terbatal pandangan hli falsafah. Kritikan al-Suhwardi ini lebih kepada peringatan (dakwah) dan irsyad (al-Mana’i, 1999:12).

Ketiga, al-Sahruwardi menjelaskan bahawa kegagalan falsafah dalam usahakan mengharmonikan agama dan falsafah dalam satu masa, iaitu dalam perkara hubungan Allah SWT dengan alam, mereka berpendapat bahawa alam ini muncul (sudur) daripada Allah SWT melalui perantaraan (wasitah) uqul asharah, dan berpegang kepada qidam alam zamani bukan zati. Perkara ini telah dinafikan oleh agama, dan tidak boleh diharmonikan dengan falsafah.

Keempat, beliau juga merumuskan bahawa ahli falsafah gagal dalam menyucikan (*tanzih*) Allah SWT daripada *juziyyat al-madiyyah al-hadithah*.

Kelima, al-Suhrawardi beriltizam dengan al-Quran dan Sunnah dengan sepenuhnya didalam istidlāl dan istishad. Hal ini kerana beliau berpegang kepada kebenaran. Perkara ini sedikit pun tidak memberi kecacatan kepada kritikan beliau terhadap pegangan ahli falsafah, kerana telah melengkapi usaha-usaha yang telah dilakukan oleh al-Ghazālī. Berikut adalah isi

kandungan kitab *Kashf al-Fada’ih al-Yunaniyyah wa Rashf al-Nasa’ih al-Imaniyyah* oleh Shihab al-Din Umar bin Muhammad al-Sahrawardi (632H):

Jadual 5: Isi Kandungan *Kashf al-Fada’ih al-Yunaniyyah wa Rashf al-Nasa’ih al-Imaniyyah*

Bil	Tajuk	Halaman
	Muqadimah	65-72
	Bab Pertama: Dalam Berpegang dengan al-Quran dan Hadis	73-89
	Bab Kedua: Punca kepada Bidaah dan Kesesatan)	89-98
	Bab Ketiga: <i>Fi al-Instisar li al-Din wa Idhah Tariq al-Muttaqin Wa Idhadh Hijaj al-Mubtilin</i> (Dalam Memenangkan Agama dan Menjelaskan Metode Yang Tepat dan Menjelaskan Hujah-hujah yang Membatalkan)	99-108
	Bab Keempat: Menetapkan Kaedah al-Wadaniyyah dan Meruntuhkan Kaedah al-Yunaniyyah <i>Fi Taqrir Qawaид al-Wahdaniyyah wa Hadam Qawaيد al-Yunaniyyah</i>	109-123
	Bab Kelima: <i>Fi Zikr al-Khalq wa al-‘Amr wa al-Khalqah wa al-Fitrah</i>	123-132
	Bab Keenam: <i>Fi Zikr al-Fadhl, wa al-‘Adl wa Jadwa al-Jam’ Bayna al-Naql wa al-‘Aql</i>	143-152
	Bab Ketujuh: <i>Fi Zikr al-Ma’ad wa Takfir Man Yunkir Hashr al-Ajsad</i>	153-158
	Bab Kelapan: <i>Fi Zikr al-Waladatayn wa Sharh Hal al-Fariqayn Min al-Muhaqqiqin wa Min al-Mubtilin</i>	159-168
	Bab Kesembilan: <i>Fi Kashf ‘An Aghalizh al-Falāsifah wa Idhah Tariq al-Anbiya’ Alaihim al-Salam</i>	169-182
	Bab Kesepuluh: <i>Fi Zikr ‘Azim Khalq Allah SWT Fi ‘Alam al-Ghaib</i>	183-192
	Bab Kesebelas: <i>Fi Shahih al-Anba’ ‘An Hal al-Anbiya’ wa al-Sidiqin</i>	193-200
	Bab Kedua belas: <i>Fi Sabab al-Nazr al-Mua’ddi Ila al-Sawab al-Muzil li Shakk wa al-Irtiyab</i>	201-210
	Bab Ketiga belas: <i>Fi Izalah al-Takhayyul ‘Amman Sabaq</i>	211-218

	<i>Wahmuhu</i>	
Bab Keempat belas:	<i>Ila al-Tamsil wa Batil al-Ta’wil</i> <i>Fi Gharaib Manh al-Haq ‘Ala Ashab</i> <i>Rasulillah SAW</i>	
Bab Kelima belas:	<i>Fi Zikr Ahwal Nukhbah Hazih al- 219-228</i> <i>Millah al-Hanifah</i> <i>wa Ma Manahu bihi Bi Barakat</i> <i>Muta’abah Rasulillah SAW Min</i> <i>al-Karamat wa Khawariq al- ‘Adat</i>	
Bab Keenambelas:	Penutup	229

6. *Tahafut Al-Falāsifah Al-Zakhīrah Fi Al-Muhakamah Bayna Al-Ghazālī wa Al-Hukama’ Oleh ‘Ala’ Al-Din Al-Tusi (673h)*

Latar Belakang Kitab dan Penulis

Nama beliau ialah ‘Ala al-Din Ali bin Muhammad al-Tusi. Dinisbahkan al-Tusi kerana beliau berasal daripada al-Tus. Sebuah negeri di Khurasan. Tarikh kelahiran beliau sekitar tahun 817H dan wafat pada tahun 887H (al-Saadah, 1983:15). al-Tusi belajar daripada ulama yang berada di tempatnya dan mengusai ilmu naqli dan aqli. Apabila beliau telah capai tahap kesempurnaan dalam ilmu, beliau mengunjungi Rom kemudian dimuliakan oleh Sultan Usmani Murad Khan, dan Sultan bersetuju menyerahkan Madrasah al-Sultan dan membayar gajinya 100-dirham sehari. Kehebatan al-Tusi dalam bidang keilmuan telah menyebabkan beliau mendapat kedudukan beliau sangat tinggi disisi pemerintah dan lantikan rasmi (al-Sa’adah, 1983:23).

Al-Tusi mempunyai sumbangan yang besar dalam bidang penulisan, beliau banyak menghasilkan syarah dan hasyiah keatas kitab-kitab yang ditulis oleh ulama sebelumnya. Berikut adalah penulisan beliau (al-Sa’adah, 1983) *Bidayah Fi al-Muhakamah Bayn al-Hukama’, Hasyiah ‘Al al-Talwih, Hasyiah ‘Ala Sharh al- ‘Idh Mukhtasar al-Muntaha, Hasyiah ‘Ala Lawami’ al-Asrar, Hasyiah ‘Ala Shar al-Mawaqif dan Hawashi ‘Ala Hasyiah al-Kashaf*. Terdapat dua buah kitab yang menggunakan nama *Tahafut al-Falāsifah* selepas kemunculan *Tahafut al-Falāsifah* al-Ghazālī iaitu pertama kitab *Tahafut al-Falāsifah* atau dinamakan *al-Zakhīrah Fi al-Muhakamah Bayna al-Ghazālī wa al-Hukama’* yang ditulis oleh ‘Ala’ al-Din al-Tusi dan *Tahafut al-Falāsifah* oleh Khawajah Zadah. Bagi kitab *al-Zakhīrah Fi al-Muhakamah Bayna al-Ghazālī dan al-Hukama’* yang ditulis oleh ‘Ala’ al-Din al-Tusi telah dilakukan *tahqiq* oleh Ridha al-Sa’adah dan telah diterbitkan pada tahun 1983.

Sultan Muhammad al-Fatih al-Thani Qastantiniyyah mengarahkan ‘Ala’ al-Din al-Tusi dan Khawajah Zadah untuk menulis kitab mengenai pertelingkahan antara al-Ghazālī dengan *al-Hukama’*, maka Khawajah Zadah menyiapkan penulisan dalam tempoh 4 bulan dan al-Tusi mengambil masa 6 bulan serta menamakan kitabnya *al-Zikhr* atau *al-Zakhīrah Fi al-Muhakamah Bayna al-Ghazālī wa al-Hukama’*. Setelah itu, Sultan telah mengurniakan sebanyak 10 ribu dirham kepada setiap seorang. Namun kitab Khawajah Zadah mendapat penerimaan dalam kalangan masyarakat berbanding kitab al-Tusi. Perkara ini menyebabkan al-Tusi membawa diri ke negara lain (Rida al-Sa’adah, 1990:10).

Menurut Ridha al-Sa'adah (1990:13) kitab al-Tusi boleh dianggap sebagai sharah kepada kitab *Tahafut al-Falāsifah* oleh al-Ghazālī kerana penulisan adalah mengikut perbahasan kitab *Tahafut al-Falāsifah* dan menghuraikan perkataan-perkataan al-Ghazālī.

Di dalam muqaddimah kitab ini, al-Tusi menjelaskan mengenai kepentingan manusia mengenal penciptanya, tetapi akal manusia mempunyai keterbatasan dalam mengenal hakikat tuhan mereka. Oleh sebab itu, manusia terbahagian kepada kumpulan dan aliran dalam perkara ini. Ahli Falsafah adalah golongan yang menjadikan akal sebagai sumber dalam berfikir dan istidlāl untuk memahami semua perkara termasuk perihal ketuhanan. Mereka tidak mengambil perhatian terhadap wahyu yang sahih dan bertentangan dengan pemikiran yang sahih. Maka banyak kesalahan yang dilakukan oleh mereka sehingga terjerumus dalam kesesatan. Oleh sebab itu muncul daripada Mutakalimin yang membuat kritikan keatas ahli falsafah dan menyatakan kesalahan mereka (al-Tusi, 1983: 59).

Kitab ini mengandungi 20 perbahasan seperti mana *Tahafut al-Falsifah* oleh al-Ghazālī bermula daripada bab *hudūth* alam, keabadian alam, Allah SWT pencipta Alam, Isbat Pencipta Allah SWT, Tauhid Ketuhanan, Allah SWT bersifat dengan sifat-sifat, Haruskah Allah SWT tersusun, Adakah Allah SWT ada Mahiyah yang tidak wujud, Allah SWT tidak berjisim, Hakikat Ilmu, Allah SWT mengetahui semua perkara, Allah SWT mengentahui zatnya, Allah SWT tidak mengetahui perkara juz'iyyat yang berubah-ubah, adakah bagi falak ada nafs natiqah muharikah,

Al- Tusi (1983:70) turut menegaskan bahawa beliau menulis kitab ini adalah berdasarkan kepada manhaj al-Ghazālī tetapi bukan bermakna beliau bertaqlid secara semberono tetapi berdasarkan kepada kaedah kajian dan mengikut kaedah ilmu *munazarah wa al-bahth* (perdebatan).

Selain itu, al-Tusi (1983:70) turut menyatakan bahawa apa yang ditulis di dalam kitab ini hanya membahaskan perkara yang diyakini dan jelas pada pandangan beliau dan meninggalkan perkara yang tidak diyakini dan tidak jelas bagi mengelak dakwaan ahli falsafah yang masih lagi ada keraguan. Al-Tusi (1983) turut berikrar mensyaratkan diri beliau untuk berlaku adil dengan menjelaskan apa yang thabit dengan qati' bahawa tepat dan benar dan meninggalkan maklumat yang tidak jelas dan ragu-ragu serta menjauhkan sifat taksub mazhab.

Al-Tusi menemplak golongan ahli falsafah yang menjadikan akal sebagai penentu kepada semua perkara termasuklah mengenai ketuhanan serta tidak memperdulikan apa yang diperkatakan oleh wahyu (al-Tusi, 1983:59). Oleh sebab yang demikian, mereka melakukan kesalahan dan kesesatan daripada jalan yang benar. Daripada akal tersebut, mereka membina prinsip dan usul dan perbahasan yang bertentangan dengan ajaran Islam, mengharmonikan falsafah dengan hadis nabi. Oleh itu, ulama Islam mengambil pendekatan untuk menentang golongan ahli falsafah dan menyekat pengaruh mereka keatas umat Islam dengan pemikiran yang menyesatkan mereka daripada kebenaran.

Dalam muqaddimah kitab al-Tusi (1983:65) mengemukakan khilaf diantara ahli falsafah mengenai hakikat *al-jism al-mahsus* dan *al-nafs*. Bagi *al-jism al-mahsus*, majoriti ahli falsafah berpegang bahawa asal yang membentuk *al-ajsam* adalah *al-huyula* dan *al-surah*. Manakala Plato berpendapat *al-ajsam* tidak tersusun daripada *al-huyula* dan *al-surah* tetapi daripada tabiat yang pelbagai yang terdiri daripada air, api, yang disebut arkan *al-'alam*. Kesemua *al-ajsam* *al-suflīyyah* tersusun daripada empat anasir tersebut. Bagi *al-nafs*, terdapat khilaf yang sangat banyak dalam kalangan ahli falsafah.

Al-Tusi (1983:69) menjelaskan terdapat tiga bahagian yang khilaf antara ahli falsafah dengan umat Islam iaitu: Pertama, perkara yang hanya melibatkan istilah dan penamaan seperti meletakkan nama *al-jawhar* pada Allah SWT, sedangkan kita tidak meletakkan nama terhadap Allah SWT kerana nama-nama Allah SWT adalah perkara *tawqifiyyah*. Khilaf lafzi ini tidak membawa kepada perbezaan dari sudut makna oleh yang demikian al-Tusi tidak membahaskan perkara ini.

Kedua, perkara yang bertentangan dengan zahir syarak tetapi mereka mendakwa mempunyai dalil yang *qat'i*, dan menganggap nas syarak adalah tidak *qati'*. samada secara matan atau sanad. Antara hukum yang berkaitan dengan ilmu *al-hai'ah* seperti *kurriyyah al-samawat* dan *al-ard*, gerhana bulan dan matahari. Perkara-perkara ini dibuktikan dengan dalil *qati'*e handasah atau dengan al-mushahadah. Maka perbahasan in tidak dimasukkan dalam kitab al-Tusi.

Ketiga, perkara yang bertentangan dengan syarak, dan mereka tidak mempunyai dalil *qati'*, perkara inilah yang dibincangkan di dalam kitab ini dan ada akan dikritik. Menurut al-Tusi (1983: 71) dalam perkara ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- a. Membawa kepada hukum kafir dengan sebab bertentangan dengan syarak yang qatie seperti qidam alam, menafikan kebangkitan dengan jasmani, dalil-dalil yang dipegang oleh mereka adalah lemah, dan dalil syarak adalah *qati'*.
- b. Tidak membawa kepada kufur kerana tidak *qati'* menurut syarak seperti penafian mereka terhadap sifat-sifat hakikat bagi Allah SWT, kerana mereka mendakwa sekiranya thubut sifat tersebut akan menafikan tauhid. Manakala nas-nas syarak yang membuktikan perkara tersebut menunjukkan secara zahir thubut sifat tetapi boleh menerima takwil seperti nas-nas yang menunjukkan zahir thubut wajah, tangan boleh memerima takwil.

Al-Tusi (1983:387) merumuskan bahawa perdebatan antara falsafah bukanlah bermaksud menghukum batil kesemua pegangan mereka, tetapi terdapat beberapa kategori berikut. Pertama, menghukum secara *qat'i* dengan kesahihannya seperti kebangkitan secara ruh, kelazatan *al-aqliyyah* lebih kuat dan mulia daripada kelazatan *al-jismaniyah*. Kedua, menghukum secara zan yang kuat seperti *tajarrud al-nafl al-natiqah*. Ketiga, menghukum secara zan yang tidak kuat seperti *muqaranah al-nufus* bagi al-abdan yang berkaitannya dengan pada *hudūth*. Keempat, menghukum secara tidak pasti akan kesalahan dengan tanpa mentarjih mana-mana bahagian seperti *wujud al-nufus al-mujaraddah* bagi *al-aflak*. Kelima, menghukum salah tetapi tidak mengafirkan pegangan tersebut seperti isbat '*illiyyah* di antara al-mungkinat. Pendapat ini juga dipegang oleh mazhab lain seperti Muktazilah yang berpegang dengan *al-tawlid* bermaksud mewajibkan perbuatan bagi pelakunya dengan perbuatan yang lain seperti pukulan dan kesakitan. Keenam, menghukum salah serta mengafirkan pegangan tersebut seperti pegangan qidam alam, menafikan al-ikhtiyar dari Allah SWT, menafikan ilmu Allah SWT mengenai *al-juz'iyyat*, yang dilakukan oleh manusia, dan mengengkari kebangkitan dengan jasad.

Beliau menegaskan bahawa tujuan utama kita adalah menjelaskan bahawa akal bukan satu-satunya instrumen untuk mengetahui perkara-perkara ketuhanan dan hakikatnya,

pandangan akal diterima dalam perkara yang boleh dicapai oleh akal apabila dibantu oleh wahyu daripada Allah SWT yang tujuan menguatkan akal.

Di bawah adalah isi kandungan kitab *Tahafut al-Falāsifah al-Zakhīrah Fi al-Muhakamah Bayna al-Ghazālī wa al-Hukama'* oleh ‘Ala’ al-Din al-Tusi (673H):

Jadual 6: *Tahafut al-Falāsifah al-Zakhīrah Fi al-Muhakamah Bayna al-Ghazālī wa al-Hukama'*

Bil	Tajuk	Halaman
1.	Mukadimah	65-74
2.	Perbahasan Pertama: <i>Fi Hudūth al-'Alam wa Qidamīhi</i> (Alam Baharu dan Qidam)	75-138
3.	Perbahasan Kedua: <i>Fi Abādiyyah Alām</i>	139-147
4.	Perbahasan Ketiga: Allah SWT <i>Fa'il al-'Alam</i> dan <i>Sani'hi</i>	137-160
5.	Perbahasan Keempat: <i>Isbat al-Sani' li al-'Alam</i>	165-176
6.	Perbahasan Kelima: <i>Tauhid al-Ilah wa Nafī al-Kathrah</i>	177-186
7.	Perbahasan Keenam: <i>Ittisaf Allah SWT bi al-Sifat</i> (Menyifatkan Allah SWT dengan Sifat)	187-195
8.	Perbahasan Ketujuh: <i>Tarakkab Allah SWT Min Ajza' Aqlīyyah</i>	195-197
9.	Perbahasan Kelapan: <i>Hal Lillah Mahīyyah Ghair al-Wujūd</i>	197-208
10.	Perbahasan Kesembilan: Allah SWT <i>Laysa bi Jism</i>	231-240
11.	Perbahasan Kesepuluh: <i>al-Kalam Fi Haqīqah al-'Ilm</i>	241-254
12.	Perbahasan Kesebelas: Allah SWT <i>Ya'lām Ghairahu</i>	255-262
13.	Perbahasan Keduabelas: Allah SWT <i>Ya'lām Zattahu</i>	263-265
14.	Perbahasan Ketigabelas: <i>Annahu Ta'ala Laysa 'Alīman</i>	267-274
15.	Perbahasan Keempatbelas: <i>Hal Li al-Falak Nafs Natiqah Muharrikah Lahu bi al-Irādah</i>	275-296
16.	Perbahasan Kelimabelas: <i>al-Ghardh al-Asli Min Harakat al-Falk</i>	297-322
17.	Perbahasan Keenambelas: <i>'Ilm Nufus al-Samawat bi Ahwal al-Ka'inat</i>	309-360
18.	Perbahasan Kelapanbelas: <i>Hal al-Nafs al-Insaniyyah Mujaraddah</i>	333-360
19.	Perbahasan Kesembilanbelas: <i>Qidam al-Nafs Wa Hudūthihā wa Khuludihā</i>	361-370
20.	Perbahasan Keduapuluh: <i>al-Ma'ad</i>	371-386
21.	Penutup	387

7. *Tahafut Fi al-Muhakamah Bayna al-Ghazālī wa al-Falāsifah* oleh Khawajah Zaadah (w893H).

Latar Belakang Kitab dan Penulis

Nama penuh beliau ialah Mustafa bin al-Khalil al-Brusawi al-Rumi al-Hanafi terkenal dengan nama Khawajah Zaadah. Merupakan seorang yang alim berasal daripada Rom dan terkenal

sebagai seorang yang mempunyai mempunyai kefahaman yang mendalam, bijaksana dan mengalahkan sesiapa sahaja yang berdebat dengannya (Aqil Musa, 1995). Menurut Aqil Musa ayah Khawajah Zaadah adalah seorang peniaga dan mempunyai banyak harta, tetapi Khawajah Zaadah lebih suka untuk menyibukkan diri dengan ilmu, maka ayahnya memarahi beliau dan memulau Khawajah Zaadah sehingga beliau tidak memiliki apa-apa kecuali satu pakaian sahaja. Kecintaan Khawajah Zaadah terhadap ilmu semakin tinggi. Beliau belajar dengan ulama Rom mengusai bahasa Arab, al-Usulayn (2 ilmu usul), al-ma’ani dan al-bayan. Sultan Muhammad Khan bin Murad Khan memerintahkan Khawajah Zaadah untuk mengajar di madrasah Brusa, dan mengurniakan kepadanya 10-dirham setiap hari. Khawajah Zaadah menetap selama enam tahun. Khawajah Zaadah wafat pada tahun 893H di Bandar Brusa dan disemadikan disebelah al-sayyid al-Bukhari.

Beliau menulis kitab *al-Muhakamah* atas perintah Sultan Muhammad bin Murad al-‘Uthmani. Malah kitah beliau mensyarahkan kitab *al-Mawaqif* atas perintah Sultan juga namun beliau hanya sempat mensyarahkan sehingga *mabahith al-wujud* sebelum wafat, kemudian disambung oleh anak murid beliau al-Mawla Baha’ al-Din. Antara karya beliau *ialah Kitab al-Tahafut, Hawashi sharh al-Mawaqif, Hawashi ‘Ala Sharh Hidayah al-Hikmah, Sharh al-Tawali*, dan *Hawashi ‘Ala al-Talwih* (Tashakubri Zadah, 1975) .

Kitab ini dicetak bersama kitab *Tahafut al-Falāsifah* oleh al-Ghazālī dan *Tahafut al-Tahafut* oleh Ibn Rushd oleh percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi. Kemudian kitab ini ditahqiq oleh Luwai Hatim Ya’kub yang juga merupakan tesis phd beliau di Universiti Ankarah, diterbitkan pada tahun 2018 oleh Dar al-Risalah al-‘Alamiyya, Beirut. Luwai Hatim Ya’kub (2018:293) menyatakan bahawa Khawajah Zaadah hanya mengambil masa selama empat bulan untuk menulis ini berdasarkan kepada penulisan al-Ghazālī dan kitab ini dipilih oleh pemerintah pada ketika itu sebagai kitab yang terbaik.

Berikut adalah rumusan ringkas mengenai kitab ini iaitu, kitab ini dibahagikan kepada 22 fasal dan muqaddimah kemudian diakhiri dengan penutup yang mendungi doa dan pujian kepada Allah SWT. Khawajah Zaadah turut memuji Imam al-Ghazālī dengan gelaran Hujjat al-Islam manakala Khawajah Zaadah turut menjelaskan bahawa kesilapan ahli falsafah adalah sedikit dalam al-tabi’ah tetapi banyak dalam ketuhanan. Khawajah Zaadah dalam kitabnya ini menyebut bahawa tujuan beliau menulis kitab ini adalah untuk membantalkan pegangan ahli falsafah dalam kaedah-kaedah mereka dalam al-tabi’iah dan al-ilahiyyah. Khawajah Zaadah juga dilihat menggunakan dalil-dalil yang dikemukakan oleh al-Ghazālī dan al-Razi dalam sebahagian isu-isu yang dibahaskan.

Jadual 7: Isi Kandungan *Tahafut Fi al-Muhakamah Bayna al-Ghazālī wa al-Falāsifah*

Bil	Tajuk	Halaman
	Khutbah al-Kitab	65-74
	Perbahasan Pertama: Membantalkan Pegangan Mereka <i>al-Mabda’ al-Awwal Mujib bi al-Zat</i> .	7
	Perbahasan Kedua: Membantalkan Pegangan Mereka <i>Qidam Alam</i>	15
	Perbahasan Ketiga: Membantalkan Pegangan Mereka <i>Abadiyyah Alam</i>	49

Perbahasan Keempat: Membatalkan Pegangan Mereka <i>al-Wajud</i>	54
<i>al-Haqiqi</i> Tidak Keluar (<i>Sudur</i>) Kecuali <i>al-Wahid</i> .	
Perbahasan Kelima: Membatalkan Pegangan Mereka Kaedah	56
<i>Sudur</i> Alam Daripada <i>al-Mabda al-Awwal</i>	
Perbahasan Keenam: Melemahkan <i>al-Istidlāl</i> Ke atas Wujud	78
Pencipta Alam iaitu <i>al-Samawat</i> dan ‘ <i>Anasir</i> yang tersusun	
Perbahasan Ketujuh: Menjelaskan Kelemahan Mereka	85
Mendirikan Dalil keatas <i>Wahdaniyyah al-Wajib Ta’ala</i>	
Perbahasan Kelapan: Membatalkan Pegangan Mereka <i>al-Wahid</i>	2/2
<i>al-Haqiqi</i> Tidak Menjadi <i>Fa’il</i> dan <i>Qabil</i> Bagi Sesuatu Yang Satu	
Perbahasan Kesembilan: Membatalkan Pegangan Mereka Dalam	2/4
Menafikan Sifat	
Perbahasan Kesepuluh: Melemahkan Pegangan Mereka <i>Isbat Zat</i>	2/14
<i>al-Awwal</i> Tidak Terpecah Kepada <i>al-Jins</i> dan <i>al-Fasl</i>	
Perbahasan Kesebelas: Membatalkan Pegangan Mereka Wujud	2/20
<i>al-Awwal</i> adalah ‘ <i>ain Mahiyyah</i>	
Perbahasan Kedua Belas: Melemahkan Penjelasan Mengenai <i>al-</i>	28
<i>Awwal</i> Bukan Jisim	
Perbahasan Ketiga Belas: Melemahkan Mengenai Mendirikan	34
Dalil Keatas <i>al-Awwal</i> Mengetahui Zatnya	
Perbahasan Keempat Belas: Membatalkan Pegangan Mereka <i>al-</i>	42
<i>Awwal</i> Tidak Mengetahui <i>al-Juzi’iyyat</i>	
Perbahasan Kelima Belas: Membatalkan <i>al-Sama’ Mutaharrik</i>	2/46
Dengan <i>al-Irādah</i>	
Perbahasan Keenam Belas: Membatalkan Pegangan <i>al-Gharadh</i>	52
<i>al-Muharrak li al-Sama’</i>	
Perbahasan Ketujuh Belas: Membatalkan <i>Nufus al-Samawat</i>	62
<i>Mutali’ah; Ala Jami’ al-Juziyat al-hadithah</i>	
Perbahasan Kelapan Belas: Membatalkan Pegangan Mereka	71
<i>Wujub al-Iqtiran, Imtina’, al-Infikak</i> diantara al-Asbab al- ‘Adiah	
dan al-Musababat.	
Perbahasan Kesembilan Belas: Melemahkan Pegangan <i>al-Nufus</i>	78
<i>al-Bashariyyah Mujaraddah</i> daripada <i>al-Maddah Zat</i>	
Perbahasan Kedua Puluh: Membatalkan Pegangan Kemustahilan	99
<i>Binasa al-Nufus al-Basyariyyah</i>	
Perbahasan Kedua Puluh Satu: Membatalkan Pegangan Mereka	107
Penafian Terhadap Kebangkitan dan <i>Hashr</i> Dengan Jasad	

RUMUSAN

Pengkaji telah mengamati bahawa semua kitab khusus yang ditulis untuk mengkritik ahli falsafah mempunyai hubungan yang erat dengan kitab "Tahafut al-Falāsifah" yang dikarang oleh al-Ghazālī. Dalam pengakuan penulis kitab-kitab tersebut, terdapat persamaan kandungan

dalam kitab mereka dari segi topik perbincangan dan susunan bab. Walaupun begitu, terdapat perbezaan yang kurang ketara dalam aspek istilah dan dalil-dalil yang digunakan dalam kritikan mereka. Antara kitab-kitab yang hampir menyerupai "Tahafut al-Falāsifah" dari segi kandungan dan metodologi adalah tiga kitab berikut: "Lubāb al-'Uqūl" oleh al-Miklātī. "Tahafut al-Falāsifah" atau "al-Zakhīrah Fi al-Muhakamah Bayn al-Ghazālī wa al-Hukama'" oleh 'Ala' al-Din al-Tusi. "Tahafut fi al-Muhakamah Bayn al-Ghazālī wa al-Falāsifah" oleh Khawajah Zaadah. Kesimpulan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan dalam penekanan dan pendekatan dalam kitab-kitab tersebut, mereka semua berusaha untuk mengkritik ahli falsafah dengan menumpukan kepada topik-topik yang serupa dan mengikut struktur yang mirip dengan "Tahāfut al-Falāsifah" karya al-Ghazālī. Ini mencerminkan pengaruh yang besar dari karya tersebut dalam merumuskan pendekatan dan topik-topik dalam kritikan terhadap ahli falsafah.

RUJUKAN

- Acikgenc, A. 2010. *The Relevance of Ibn Sina-Ghazali Debate: An Evaluation and a Reassessment*. In *Ishraq Illumination* (pp. 254-267). Moskova: Languages of Slavonic Cultures.
- Ahmad Mahmud Subhi. 1985. *Fi 'Ilm Kalam Dirasah Falsafiyah li Ara' al-Firaq al-Islamiyyah Fi Usul al-Din 2 al-Ashā'irah*. t.t.p.: Dar al-Nahdah al-Arabiyah.
- Ahmad Tayyib. 2004. *Al-Janib al-Naqdi fi Falsafah Abi al-Barakat al-Baghdādī*. t.t.p.: Dar Shuruq.
- Al-Ash'ari, Abu Hassan Ali bin Ismail. 1969. *Maqālāt al-Islamiyyīn wa Ikhtilāf al-Mušallīn*. t.t.p.: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Al-Badawī, 'Abd al-Rahman. 1984. *Mawsū'ah al-Falsafah*. Beirut: al-Mu'asasah al-'Arabīyah al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- Al-Badawī, 'Abd Rahman. 1996. *Mazahib al-Islamiyyin*. Beirut: Dar al-Ilm al-Malayin.
- Bakhit, Muhammad Hasan Mahdi. 2013. *Al-Falsafah al-Islamiyyah Bayna al-Asalah wa al-Taqlid*. Irbid: Alam al-Kutub al-Hadith.
- Campanini, M. 2008. *An Introduction to Islamic Philosophy*. Translated by Caroline Higgit. t.t.p.: Edinburgh University Press.
- Ferman, G. S. & Levin, J. 1975. *Social Sciences Research*. Amerika Syarikat: John Wiley & Sons.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2006. *Tahafut al-Falasifah*. Dimashq: Dar al-Taqwa
- Hamdan, A. al-'Ilmī. 2005. *Istī'āb al-Lahzat al-Rushdiyyah fi Naqd al-Miklātī li al-Falsafah. In al-Ittijahāt al-Kalāmiyyah fi al-Gharb al-Islāmī*. In. *Silsilah Nadwāt wa Munāzarāt*.
- Hamzah al-Bakri. 2019. *Usus al-'Akidah al-Islamiyyah*. Oman & Jordan: Dar al-Faruq.
- Al-Huwaydi, Thair 'Abbas. 2001. *Al-Malamih al-'Ammah li al-Manhaj al-Naqdi bayna al-Ghazālī wa Ibn Rushd*. t.t.p.: t.pt.
- Jalal Muhammad 'Abd al-Hamid Musa. 1982. *Nash'at al-Ash'āriyyah wa Tatawuruhā*. Beirut: Dar al-Kutub al-Lubnani.
- Kamal 'Abd al-'Al Tamam 'Abd al-'Al Saqar. 2009. *Al-Manhaj al-Naqdi 'inda al-Maturidiyyah*. Doctoral dissertation. Universiti Kaherah.

- Al-Marākishī, ‘Abd Allah SWT Muhammad bin Muhammad. 2012. *Silsilah al-Tarajum al-Andalusiyah. Al-Zayl wa Takmilah li Kitabay al-Mawsul wa Silah*. t.tp.: Dar Gharb al-Islami.
- Madkur, A. H. 2007. *Al-Ash’arīyyah*. In *Mausu’ah al-Firiaq wa Mazahib Fi al-‘Alam al-Islami*.
- Al-Mahdalī, Sayyed Muhammad Aqil. 1997. *Dirasāt Fi al-Falsafah Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Mahmud, ‘A. H. 1983. *Al-Tafkir al-Falsafi fi Islam*. Kaherah: Dar Ma’arif.
- Majid, F. 1994. *Philosophy, Dogma and the Impact of Greek Thought in Islam*. Great Yarmouth: Variorum.
- Majid, F. 1997. *A Short Introduction to Islamic Philosophy, Theology and Mysticism*. Oxford: Oneworld Publication.
- Al-Marākishī, ‘Abd Allah SWT Muhammad bin Muhammad. 2012. *Silsilah al-Tarajum al-Andalusiyah. Al-Zayl wa Takmilah li Kitabay al-Mawsul wa Silah*. t.tp.: Dar Gharb al-Islami.
- MastjiZadeh, A. 2007. *Al-Masalik Fi al-Khilafiyat Bayna al-Mutakallimin wa al-Hukama’*. Beirut: Dar Sadir.
- Al-Miklātī, Abi Hujay Yusuf bin Muhammad. 1977. *Kitab Lubāb al-‘Uqūl Fi Rad ‘Ala al-Falasifah Fi Ilm al-Usul*. Cairo: Dar al-Ansar.
- Muhammad Mahmud Ahmad Sya’ban. 2019. *Al-Ilzamat wa Tatbiqatuha al-Naqdiyyah Fi al-Jadal al-‘Aqadi Kitabat al-Imam Ibn Taymiyyah Anmuzaj*. Kaherah: Dar al-Khazanah al-Azhariyyah.
- Muhammad Zunnun Yunus al-Fathi. 2018. *‘Ilm Adab al-Bahts wa al-Munazarah*. t.tp.: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Al-Nashār, Alī Samī. 1995. *Nash’at al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- O’Leary, D. D. 1922. *Arabic Thought And Its Place in History*. t.tp.: Routledge & Kegan Ltd.
- Sa’id bin Sa’id al-Alawi. 1992. *Al-Khitab al-Asha’ari Musahamah fi Dirasah al-‘Aql al-‘Arab al-Islami*. Beirut: Dar al-Muntkhab al-‘Arabi.
- Al-Sahrawardi, Shihab al-Din bin Uma. 1999. *Kasfh al-Fadha’ih al-Yunaiyyah wa Rasyf al-Nasa’ih al-Imaniyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sidi Gazalba. 1981. *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Yamina Adouhane. 2012. Al-Miklātī, A Twelfth Century Aš’arite Reader Of Averroes. *Arabic Sciences and Philosophy* 22: 155-197.
- Yusuf Ahnanah. 2017. *Tatawur al-Mazhab al-Ash’ari fi al-Gharb al-Islami*. Mamlakah al-Maghribiyyah: Wizarah al-Awqaf wa Shu’un al-Islamiyyah.